

BAB TIGA

KONSEP PERKAHWINAN MENURUT SYEIKH DAUD BIN ‘ABDULLAH AL-FATANI

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab terpenting dalam kajian ini. Ianya memfokuskan tentang konsep perkahwinan yang dibawa oleh Syeikh Daud di dalam kitab *Īdāh al-Albāb*nya. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang konsep perkahwinan, sumber rujukannya dan metodologi penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam kitab *Īdāh al-Albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb*. Di samping itu juga disertakan komentar dan ulasan terhadap konsep perkahwinan ini sebagai reaksi dan pandangan penulis terhadap perbincangan yang akan diketengahkan nanti.

3.2 KONSEP PERKAHWINAN SYEIKH DAUD

3.2.1 Definisi nikah

Perkataan nikah berasal dari bahasa Arab (نَكْحٌ، نِكْحٌ، نِكَاحٌ) yang secara etimologi bererti (menikah), (الاختلاط) (bercampur).¹⁴⁰ Nikah secara bahasa adalah berkumpul dan bergabung. Dikatakan: *nakahat al-asyjār*, yaitu pohon-pohon tumbuh saling berdekatan dan berkumpul dalam satu tempat.¹⁴¹ Berkata Imam Nawawi: “Nikah secara bahasa adalah bergabung, terkadang digunakan untuk menyebut “akad nikah”, kadang kala digunakan untuk menyebut hubungan seksual.”

¹⁴⁰ Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Ali al-Syarbaji (1987), *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, Dimasqi: Dār al-Ulūm., h. 34

¹⁴¹ Perkataan nikah dari segi bahasa dengan makna bergabung dan berkumpul tidak didapati dalam kamus : *Lisan al-Arab*, karya Ibn Manzūr, *Mukhtār al-Ṣīḥāh* karya Muhammad al- Razi, dan *al-Miṣbāḥ al-Munīr* karya al-Fayyūmī, tapi penulis mendapatkan pengertian ini di *Kifayah al-Akhyār*, karya Abū Bakar bin Muḥammad al-Ḥusaini, h. 462.

Al-Farā' seorang ahli bahasa Arab mengatakan bahawa orang Arab menyebutkan kata “*Nukah al-Maratu*” ertinya adalah organ kewanitaan. Jika mereka mengatakan “*nakaḥa al-mar-ata*” ertinya telah menggauli di organ kewanitaannya.¹⁴²

Dari segi syarak, nikah ialah suatu akad yang menghalalkan *istimtā'* (bersetubuh/berseronok-seronok) di antara suami isteri dengan cara yang dibenarkan oleh syarak. Orang Arab menggunakan perkataan nikah dengan makna akad, juga dengan makna persetubuhan serta berseronok-seronok.¹⁴³

Dalam al-Qur'an terdapat 24 perkataan nikah,¹⁴⁴ dalam ḥadīth pula terdapat sebanyak 30 perkataan. Perkataan *zawāj* digunakan di dalam al-Qur'an bermaksud pasangan dalam penggunaannya perkataan ini bermaksud perkahwinan. Allah S.W.T menjadikan manusia itu berpasang-pasangan, menghalalkan perkahwinan dan mengharamkan zina.

3.2.2 Kata Nikah Dalam al- Qur'an

Dalam al-Qur'an dan al-Sunnah kata "Nikah" kadang digunakan untuk menyebut akad nikah, tetapi kadang juga dipakai untuk menyebut suatu hubungan seksual. Contoh menikah yang ertinya akad nikah adalah firman Allah S.W.T :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَنْتَهِيٌ وَثُلَاثَةٌ
وَرُبَاعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا تَعُولُوا¹⁴⁵

Maksudnya: “Maka lakukanlah akad nikah dengan wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kawinilah) seorang saja,

¹⁴² Perkataan al-Fara' diatas disebutkan oleh Imam Nawawi di dalam *Syārḥ Ṣaḥīḥ Muslim* juz : 9, h. 171

¹⁴³ Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan 'Ali al-Shérbaji (1987), *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Mazhab al-Imām al-Šāfi'i*, Dimasqi: Dār al-Ulūm., h.671

¹⁴⁴ Muhammad 'Adnan Sālim (1998). *Mu'jam Kalimat al-Qur'an al-A'zam*, Damsyiq: Dār al-Fikir, h: 68-69.

¹⁴⁵ Surah al-Nisā'(4): 3

atau budak-budak yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniyah”.

Contoh lain adalah firman Allah S.W.T :

وَلَا تَنكِحُوا مَا نَكَحَ آباؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَمَقْتَنِيَّا
وَسَاءَ سَبِيلًا^{١٤٦}

Maksudnya: “Dan janganlah kamu lakukan akad nikah dengan wanita-wanita yang telah melakukan akad nikah dengan ayahmu, kecuali pada masa yang telah lampau. Sesungguhnya perbuatan itu amat keji dan dibenci Allah dan seburuk-buruk jalan (yang ditempuh)”.

Adapun contoh menikah yang ertiya melakukan hubungan seksual adalah firman Allah

SWT:

فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّى تَنكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا
أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتَلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ^{١٤٧}

“Kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), maka perempuan itu tidak halal lagi baginya hingga dia melakukan hubungan seksual dengan suami yang lain. Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk kawin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkan-Nya kepada kaum yang (mau) mengetahui.”

Erti nikah pada ayat di atas adalah *al-waṭ* atau *al-jima'* (melakukan hubungan seksual), bukan akad nikah. Ibnu Qudāmah dalam kitabnya *al-Mughni* mengatakan bahawa lafaz nikah di dalam al-Qur'an tidak ada yang mengertikan melakukan hubungan seksual, kecuali firman Allah S.W.T “*hatta tankiha zaujan ghairahu*” kerana seseorang tidak disebut suami, kecuali kalau sudah melakukan akad nikah.¹⁴⁸ Seorang isteri yang telah diceraikan suaminya yang pertama sebanyak tiga kali, dan sudah menikah dengan suami yang kedua, maka dia boleh melakukan nikah dengan suaminya yang kedua tersebut, kemudian diceraikannya, sebelum kembali kepada suaminya yang

¹⁴⁶ Surah al-Nisā' (4): 22

¹⁴⁷ Surah al-Baqarah (1): 230

¹⁴⁸ Ibn Qudamah, (1972), *al-Mughni*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, juz 7, h. 333

pertama. Melakukan nikah dengan suami yang kedua, maksudnya adalah melakukan “hubungan seksual”.¹⁴⁹ Nikah dalam erti melakukan hubungan seksual pada ayat di atas dikuatkan oleh hadith ‘Aisyah r.a :

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- عَنْ رَجُلٍ طَلَقَ امْرَأَتَهُ -
يَعْنِي ثَلَاثَةً - فَتَزَوَّجَتْ زَوْجًا غَيْرَهُ فَدَخَلَ بِهَا ثُمَّ طَلَقَهَا قَبْلَ أَنْ يُوَاقِعَهَا أَتَحِلُّ
لِزَوْجِهَا الْأَوَّلِ قَالَتْ قَالَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - لَا تَحِلُّ لِلْأَوَّلِ حَتَّى تَذُوقَ
عُسَيْلَةَ الْآخِرِ وَيَنْوُقَ عُسَيْلَةَ

“Dari Aisyah, ia berkata: Rasulullah SAW ditanya mengenai seorang laki-laki yang mencerai isterinya tiga kali, kemudian wanita tersebut menikah dengan laki-laki yang lain dan bertemu muka dengannya kemudian ia mencerainya sebelum mencampuri, maka apakah ia halal bagi suaminya yang pertama? Aisyah berkata; tidak. Nabi SAW berkata: "Ia tidak halal bagi suaminya yang pertama hingga ia merasakan manisnya (hubungan seksual) dengan suaminya yang lain, dan ia (si suami) juga merasakan manisnya (hubungan seksual) dengannya.”¹⁵⁰

Contoh dari hadith yang menunjukkan bahawa erti nikah adalah melakukan hubungan seksual adalah sabda Rasulullah SAW :

إِصْنَعُوا كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا النِّكَاحَ¹⁵¹
“ Lakukanlah segala sesuatu (dengan isterimu yang sedang haid) kecuali nikah, yaitu jima’ ”

¹⁴⁹ Ibn al-‘Arabi di dalam bukunya *Ahkām al-Qur'an*, juz 1, h. 267 menyebutkan bahawa Sa'id bin al-Musayib berpendapat seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya sebanyak tiga kali, maka dia menjadi halal bagi suaminya yang pertama sekiranya ia sudah melakukan akad nikah dengan suaminya yang kedua tanpa harus melakukan hubungan seksual dengannya berdasarkan zahir dari ayat Sūrah al-Baqarah ayat 230, kemudian Ibn 'Arabi membantah pendapat tersebut. Ibn Mundhir pula mengatakan bahawa para ulamak sepakat mengatakan bahawa isteri yang sudah diceraikan 3 kali harus melakukan hubungan seksual dengan suami yang kedua sebelum kembali kepada suami yang pertama. Lihat Muḥammad Shāms al-Ḥaq al-Adhim Abadi, 'Aun al-Ma'būd, juz 6, h.301.

¹⁵⁰ Hadith riwayat Abu Dawūd, *kitab al-Talak*, no.hadith 2309

¹⁵¹ Hadith riwayat Muslim. Lihat al-Nawawi, *Syārḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j: 1, h 474

Dalam riwayat lain disebutkan :

اَصْنُعُوا كُلّ شَيْءٍ إِلَّا الْجِمَاعَ¹⁵²

Maksudnya: “*Lakukanlah segala sesuatu (dengan isterimu yang sedang haid) kecuali jima’*”

Setelah kita mengetahui bahawa nikah mempunyai dua erti, iaitu akad nikah dan melakukan hubungan seksual, maka persoalan yang timbul ialah bagaimana hendak membezakan antara dua erti tersebut di dalam suatu perbicaraan. Para ulamak membezakan antara keduanya dengan keterangan sebagai berikut: Jika dikatakan bahawa seorang laki-laki menikah dengan seorang perempuan lain, iaitu fulanah binti fulan, maka ertinya bahawa laki-laki tersebut melakukan akad nikah dengannya. Jika dikatakan bahawa seorang laki-laki menikah dengan isterinya, maka ertinya bahawa laki-laki tersebut melakukan hubungan seksual dengannya.¹⁵³ Daripada kedua-dua makna nikah di atas, para ulamak berbeza pendapat:

Pendapat Pertama:

Bahawa nikah pada hakikatnya digunakan untuk menyebut akad nikah, dan kadangkala ianya dipakai secara *majāz* untuk menyebutkan hubungan seksual. Ini adalah pendapat sahīh dari mazhab Shafī’iyah, disahihkan oleh Abu Ṭayyib, Mutawalli dan Qadi Ḥusain.¹⁵⁴ Ini juga merupakan pendapat yang dipilih oleh pendapat Syeikh Daud al-Fatani.¹⁵⁵

¹⁵² Ḥadith sahīh riwayat Ibn Mājah, no. hadith 636, j.2., h.64

¹⁵³ Penjelasan ini disebutkan oleh al-Farisi dan dinukilkan oleh Abū Bakr Ibn Muḥammad al-Ḥusaini(1991), *Kifāyah al-Akhyār Fī ḥall Ghāyah al-Ikhtiyār* ; c.1, Dimasq: Dār al-Khair, h: 460.. Disebutkan juga oleh Syeikh al-Uthaimin di dalam *Syārḥ al-Munṭi*’, j: 5, h: 79.

¹⁵⁴ Abū Bakr Ibn Muḥammad al-Ḥusaini(1991), *op.,cit*, h: 460.

¹⁵⁵ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Furu’ al-Masāil*, Thailand, Fatani: Matba’ah Ibn Halabi., h.161

Pendapat kedua:

Bahawa nikah pada hakikatnya dipakai untuk menyebut hubungan seksual. Tetapi kadang dipakai secara *majāz* untuk menyebut akad nikah. Ini adalah pendapat al-Azhari, al-Jauhari dan al-Zamakhsari, ketiga orang tersebut adalah pakar dalam bahasa Arab.¹⁵⁶

Dari hasil penelitian yang dibuat dalam kitab-kitab Syeikh Daud seperti *Kitāb Sullam al-Mubtadī Fī Ma'rifah Ṭarīqah al-Muhtadī*, *Kitāb al-Nikāh* dari *kitab al-Jawāhir al-Saniyyah* dan *Īdāh al-Albāb* ini, Syeikh Daud al-Fatani tidak memberi apa-apa definisi nikah dalam membicarakan persoalan perkahwinan ini. Sebaliknya beliau terus menjelaskan kelebihan kahwin selepas mukadimah. Penulis mengandaikan bahawa Syeikh Daud terpengaruh dengan beberapa kitab-kitab yang menjadi rujukannya, mungkin juga pada pandangan beliau tidak perlu dijelaskan definisi nikah kerana fahaman masyarakat Melayu yang baru dalam Islam pada ketika itu tidak memerlukan perkar-perkara sedemikian atau orang Melayu lebih gemar kepada kelebihan-kelebihan sesuatu amalan itu. Justeru itulah beliau terus memulakan penulisannya dengan kelebihan/ faḍilah nikah.

3.2.3 Kelebihan berkahwin

Syeikh Daud telah mengemukakan dalil-dalil disyariatkan perkahwinan yang diambil daripada ayat-ayat al-Qur'an, hadith serta kata-kata para sahabat. Aspek-aspek ini perlu diperhalusi untuk melihat sejauh mana keautorian karya Syeikh Daud al-Fatani. Selain itu juga turut memperlihatkan rencamnya keintelektualan dan kejujuran Syeikh Daud dalam menghasilkan karya yang bermutu dan berautoriti penuh dengan sifat-sifat akademik dan ilmiah. Syeikh Daud telah mengemukakan:

¹⁵⁶ Pendapat Zamakhsari ini dinukilkan oleh Syeikh Kāmil Muḥammad Uwaidah di dalam komentarnya pada buku *Kiṭāyah al-Akhyār*, h: 460. Beliau juga memilih pendapat ini dengan alasan bahawa Zamakhsari adalah ahli bahasa yang lebih unggul dibanding dengan yang lainnya. Lihat juga Ibn al-Manzūr, *Lisān al-'Arab*, juz 2, h: 626.

(a) Dalil Daripada Al-Qur'an :

Firman Allah Ta'ālā:

١٥٧ ﴿فَإِنْ كُحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَ ثُلَثَ وَرُبْعٌ ..﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil (bila bernikah) terhadap anak-anak yatim, maka nikahilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi, dua, tiga atau empat.

Dari ayat tersebut di atas, dapat diambil penjelasan bahawa seorang lelaki disuruh oleh Allah Taala untuk berkahwin jika berkemampuan, sehingga kepada empat orang isteri dengan cara berlaku adil terhadap mereka sepertimana yang ditentukan oleh syarak. Sebaliknya jika bimbang tidak dapat berlaku adil maka berkahwinlah dengan seorang sahaja. Ayat di atas merupakan satu anjuran yang ditujukan kepada orang-orang yang tidak mempunyai isteri supaya berkahwin. Firman Allah Taala:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا..... ١٥٨

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berkata: “Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk hati (kami)”.

Firman Allah Taala ini menyatakan satu sifat terpuji, iaitu berdoa memohon kepada Allah Taala agar dikurniakan isteri dan zuriat yang menyejukkan mata.

(b) Dalil Dari Hadith Rasulullah SAW :

Sabda Rasulullah SAW :

يَا مَعْشِرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاعَةَ فَلِيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَغْضَنَ لِلْبَصَرِ وَأَحْسَنَ لِلْفَرْجِ
وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ ; فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ ١٥٩

¹⁵⁷ Sūrah al-Nisā, (4): 3

¹⁵⁸ Sūrah al-Furqān, (25): 74

¹⁵⁹ Ḥadīth diriwayatkan oleh Muslim: Kitāb al-Nikāh, no.ḥadīth: 3386 daripada 'Abdullah bin Mas'ūd. Lihat Muṣṭafa Dib al-Bughā(1986), *al-Tahzīb fī adillah Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb*, Beirut: Dār Ibn Kahtīr, h.159

Maksudnya: “Wahai pemuda! Barangsiapa di antara kamu yang berkemampuan mengeluarkan belanja perkahwinan, maka hendaklah dia berkahwin kerana perkara ini akan memejamkan mata dari melihat perempuan ajnabi dan akan memelihara kemaluan. Dan barangsiapa yang ketiadaan belanja perkahwinan, maka hendaklah dia berpuasa. Maka bahawasanya puasa itu melemahkan syahwat jimat.

dan sabda Nabi (SAW)

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٌ حَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يَتَفَعَّلُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ
صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ ١٦٠

Apabila mati anak Adam putuslah amal nya melainkan tiga: sedekah yang berkekalan atau ilmu yang member manfaat dengan dia atau anak yang soleh mendoa[kan] baginya

dan sabda Nabi (SAW) :

إِذَا تَرَوْجَ أَحَدُكُمْ عَجَّ شَيْطَانُهُ يَا وَيْلَاهُ عَصْمَ ابْنِ آدَمَ مِنْيَ ثَلَاثٍ دِينِهِ ١٦١

“Apabila seorang kamu berkahwin berteriaklah syaitannya dengan katanya: Wahai kebinasaanku! Terpeliharalah anak Adam daripadaku dua pertiga agamanya”

dan sabda Nabi (SAW) :

مَنْ تَرَوْجَ فَقَدْ أَحْرَزَ شَطْرَ دِينِهِ فَلْيَتَقِنِ اللَّهُ فِي الشَّطَرِ الْبَاقِي ١٦٢

Maksudnya: “Sesiapa berkahwin, maka sungguhnya terpeliharalah setengah agamanya, maka hendaklah kamu takut kepada Allah Ta’alā pada setengah yang tinggal”.

Sabda Nabi (SAW):¹⁶³

تَنَاكِحُوا تَكَاثِرُوا فَإِنِّي أُبَاهِي بِكُمُ الْأَمْمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَفِي رِوَايَةِ وَلَوْ بِالسَّقْطِ ١٦٤

Maksudnya: “Berkahwinlah supaya kamu menjadi ramai, bahawasanya aku akan bermegah-megah dengan kamu akan segala umat pada hari kiamat hingga dengan anak yang gugur dari perut ibunya”.

¹⁶⁰ Hadīth diriwayatkan oleh Muslim no.hadīth: 1631, Abu Dawūd no.hadīth: 2880 dan al-Turmidī no.hadīth: 1376.

¹⁶¹ Hadīth diriwayatkan oleh Jabir bin ‘Abdullah. Lihat Ibn Ḥajar al-Asqallāni, *al-Kafi al-Shāfi‘i*, no. ḥadīth 201

¹⁶² Hadīth diriwayatkan oleh Anas bin Malik. Lihat al-Iraqī, *Takhrij al-Liyā*’ no. ḥadīth 2/ 30

¹⁶³ Hadīth ini tiada isnadnya. Lihat al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘i al-Kubrā*, no. ḥadīth 6/309

¹⁶⁴ السقط: Tiap-tiap yang gugur. Bermaksud janin yang gugur dari perut ibunya sebelum cukup umurnya sama ada lelaki atau perempuan. Lihat Ibrāhīm Anīs et, al (t.t), *al-Mu’jam al-Waṣīt*, j.1, t.t.p, h. 438

dan sabda Nabi: (SAW)

(رَكْعَاتٍ مِنْ الْمُتَزَوِّجِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ وَفِي رِوَايَةٍ مِنَ الْمُتَأَهِّلِ خَيْرٌ
منَ اثْنَيْنِ وَسَمَانِينَ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ)¹⁶⁵

Maksudnya: “Dua rakaat daripada orang yang berkahwin lebih afdal daripada tujuh puluh rakaat daripada orang yang bujang dan pada satu riwayat daripada orang yang mempunyai ahli terlebih baik daripada lapan puluh dua rakaat daripada orang yang bujang”,

dan lagi sabda Nabi (SAW) bagi ‘Akkāf (): عَكَافٌ :

(إِلَكَ زَوْجَةٌ يَا عَكَافٌ بْنَ وَدَاعَةٍ فَقَالَ لَا، وَأَنْتَ صَحِيحٌ
مُؤْسِرٌ قَالَ : نَعَمْ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ فَقَالَ : فَأَنْتَ إِذْنُ مِنْ إِخْرَانِ الشَّيَاطِينَ إِنْ كُنْتَ مِنْ
رُهْبَانِ النَّصَارَى فَالْحِقُّ بِهِمْ وَإِنْ كُنْتَ مِنَّا فَاصْنُعْ كَمَا نَصْنُعُ فَإِنْ مِنْ سُتُّنَا النَّكَاحُ
شِرَارُكُمْ عَزَابُكُمْ أَرْذَلَ مَوْتًا كُمْ عَزَابُكُمْ)¹⁶⁶

Maksudnya: “Adakah bagimu isteri ya ‘Akkaf maka sahutnya: Tiada, maka sabdanya: dan tiada gundik?, maka sahutnya: tiada, maka sabdanya: dan engkau sebenarnya kaya, maka sembahnya: bahkan wal hamduliLah, maka sabdanya: maka engkau tiba-tiba daripada saudara syayāṭīn jika ada engkau daripada ulamak Naṣara, maka hubung olehmu dengan mereka itu dan jika ada engkau daripada kami, maka perbuat olehmu seperti barang yang kami perbuat, maka bahawasanya daripada sunnah kami itu berkahwin, sejahat-jahat kamu itu bujang kamu, sekurang-kurang mati kamu itu bujang kamu”.

Tujuh hadith Rasulullah SAW di atas menunjukkan beberapa fadhilat dan kelebihan yang mendorong dan menggalakkan supaya berkahwin. Ia juga menunjukkan akan kekhawatiran terhadap berlakunya zina mata dan zina faraj (kemaluan). Perkahwinan merupakan satu-satunya jalan keluar dari kekhawatiran tersebut .

(c) Dalil Dari Perkataan Para Sahabat Dan Ulamak

Kata Saidina ‘AbdulLāh ibn ‘Abbās (r. a)¹⁶⁷ :

¹⁶⁵ Ḥadīth diriwayatkan oleh Anas. Lihat Ibn al-Jawzi, *Mauḍū’at Ibn al-Jawzī* no. ḥadīth 3/42

¹⁶⁶ Ḥadīth diriwayatkan oleh Imām Ahmad dan Ibn Abi Shāibah dan Ibn Abd al-Bar

¹⁶⁷ Beliau ialah ‘Abdullah bin ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf, Abū al-‘Abbas, sepupu Rasūlullāh (SAW). Seorang sahabat yang terkenal dengan gelaran “Khairu al-Ummah al-Šāhābi al-Jalil”. Dilahirkan di Mekah 3 tahun sebelum Hijrah /619M di Syu’ab. Rasulullah (SAW) telah mendoakan kepadanya dengan doa . (اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل) Meriwayatkan 1660 hadis. Meninggal dunia di Ṭāif pada tahun 68H/687M ketika berumur 72 tahun dan dikebumikan di sana. Lihat Abi al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Jazari Ibn Athīr (1970), *Usd al-Ğhabah Fī Ma’rifah al-Šāhābah*, j. 4. Kaherah: al-Šā’b, h. 91-125

(لَا يَتَمُّسُكُ النَّاسِكَ حَتَّىٰ يَتَرَوَّجَ)

“Tidak sempurna ibadat seseorang yang mengerjakan ibadat sehingga dia berkahwin.”

Ini bermaksud, tidak sempurna ibadat seseorang itu kecuali setelah hatinya dikosongkan dari segala gangguan-gangguan was-was nafsu syahwat perkahwinan. Lalu kekosongan tersebut diisi dengan Allah s.w.t. Perkara ini akan hanya akan diperolehi dengan jalan perkahwinan sahaja.

Kata Ibrāhīm ibn Maisarah (r.m) :

(مَا يَمْنَعُكَ النِّكَاحُ إِلَّا عَجَزٌ أَوْ فُجُورٌ)

“Tiada yang menghalang perkahwinan itu kecuali oleh orang yang lemah dan yang membuat maksiat.”

Perkataan ini menjelaskan bahawa agama tidak menghalang perkahwinan dan sebaliknya merupakan satu kecelaan terhadap orang-orang yang menghalangnya.

‘Abdullah bin Mas’ūd pernah mengucapkan (r. a)¹⁶⁸ :

(لَوْ لَمْ يَقِنْ مِنْ عُمْرِي إِلَّا عَشَرَ أَيَّامًا أَحْبَبْتُ أَنْ أَتَرَوَّجَ حَتَّىٰ لَا أَلْقَى اللَّهَ عَزْبًا)

“Seandainya umurku hanya tinggal 10 hari sahaja untuk aku hidup, nescaya yang kusukai ialah berkahwin supaya aku tidak menemui Allah s.w.t. (mati) dalam keadaan aku bujang.

Sewaktu wabak taun melanda negeri Mesir, dua orang isteri saidina Mu’āz telah meninggal dunia akibat penyakit tersebut. Dan ketika beliau sendiri diserang taun, katanya:

“Kahwinkanlah aku. Aku tidak suka menemui Allah s.w.t. dalam keadaan aku bujang. “

Saidina ‘Ali r.a. telah berkahwin selepas tujuh malam kematian Saiyidah Fātimah r.a.

¹⁶⁸ Beliau ialah ‘Abdullah Ibn Mas’ūd Ibn Ghāfil Ibn Habīb al-Huzali. Merupakan golongan yang pertama memeluk Islam. Berhijrah ke Habsyah kemudian ke Madinah. Menyertai Rasulullah dalam perang Badar, Bai’ah al-Riḍwān dan lain-lain serta perperangan al-Yarmuk selepas Rasulullah. Dan Rasulullah sangat menyayangi dan mengasihinya. Merupakan khadam Rasulullah SAW dan sentiasa menemani Rasulullah dalam musafirnya. Meninggal di Madinah pada tahun 30H. *Ibid*, h. 198

Saidina Umar al-Khattāb r.a. adalah antara sahabat yang banyak berkahwin. Katanya:

“Aku tidak berkahwin kecuali untuk menghasilkan anak.”

Sufyān bin Uyainah berkata:

“Memperbanyak isteri bukanlah dari perkara dunia yang sia-sia kerana Saidina Ali r.a. merupakan seorang sahabat yang paling zuhud mempunyai 4 orang isteri dan 17 orang jariah. Perkahwinan merupakan jalan para anbiya’ dan akhlak mereka.”

Imam Aḥmad bin Ḥanbal r.a. telah berkahwin pada hari kedua kematian isterinya.

Katanya:

“Aku tidak suka bermalam dalam keadaan aku bujang.”

3.2.4 Hukum Berkahwin

Perkahwinan adalah sunnah Nabi SAW. Menurut jumhur ulamak, hukum berkahwin pada asalnya adalah sunat. Ada juga ulamak yang bepadangan bahawa berkahwin adalah wajib kecuali tidak mampu, antara mereka adalah Imam Ibnu Ḥazm. Para ulamak menyatakan bahawa sesuatu perkahwinan akan menjadi fardu bila seseorang itu yakin bahawa jika tidak berkahwin dia pasti akan terlibat dalam kancah perzinaan. Bagi sesetengah individu pula sama ada dengan melakukan ibadah puasa atau ibadah-ibadah lainnya dia masih tidak dapat mencegah atau menahan keinginan nafsunya untuk melakukan zina, maka dalam situasi ini hukum melengkapkan perkahwinan menjadi lebih awla.¹⁶⁹ Hukum pernikahan boleh dikatogeri kepada dua bahagian iaitu:

Pertama : hukum asal dari pernikahan,

Kedua : hukum menikah dilihat dari status pelakunya.

¹⁶⁹ Syeikh Daud (t.t), *İdāh al-Albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Šawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd , h.3

1) Hukum Asal Dari Pernikahan

Adapun hukum asal dari pernikahan, para ulamak berbeza pendapat :

Pendapat Pertama :

Bahawa hukum asal pernikahan adalah wajib. Ini adalah pendapat sebahagian ulamak,¹⁷⁰ berkata Syeikh al-Uthaimin :

“Ramai dari kalangan ulamak mengatakan bahawa seseorang yang mampu (secara fizikal dan ekonomi) untuk berkahwin, maka wajib baginya untuk berkahwin, kerana pada dasarnya perintah itu menunjukkan kewajiban, dan di dalam pernikahan tersebut terdapat maslahat yang agung.”¹⁷¹

Dalil-dalil pendapat ini adalah sebagai berikut :

- (i) Hadith Abdullah bin Mas'ud r.a, bahawasanya ia berkata :

قالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاعْدَةَ فَلْيَتَرْوَجْ ، فَإِنَّهُ أَغْضَبُ لِلْبَصَرِ، وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ ،
وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ^{١٧٢}

Rasulullah SAW bersabda pada kami: “Wahai generasi muda, barangsiapa di antara kamu telah mempunyai kemampuan (secara fizikal dan harta), hendaklah ia bernikah, kerana ia dapat menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Barangsiapa belum mampu hendaklah ia berpuasa, sebab melindungi (syahwat).”

Rasulullah SAW dalam hadith di atas memerintahkan para pemuda untuk menikah dengan sabdanya “falyatazawaj” (segeralah dia menikah), kalimat tersebut mengandung perintah. Di dalam kaedah usul fiqh disebutkan bahawa : “al-aslu fi al- amr lil wujub” (Pada dasarnya perintah itu mengandung erti kewajipan).

- (ii) Bahawa menikah itu merupakan sunnah para utusan Allah S.W.T, sebagaimana firman Allah S.W.T:

¹⁷⁰ Shaukāni, (1973), *Nail al-Awṭār Syarḥ Muntaqi al-Akhbār Min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār* , j 6 ; Syarikat Maktabah Wa Matbaah Muṣṭafa al-Halabi Wa Aulāduhu , , h. 117

¹⁷¹ al-Uthaimin, *Shārh Bulugh al-Maram*, j: 3, h. 179

¹⁷² Hadith ini telah ditakhrijkan. Sila lihat m.s 66

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّنْ قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ
أَنْ يَأْتِيَ بِآيَةً إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ^{١٧٣}

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutus beberapa Rasul sebelum kamu dan Kami memberikan kepada mereka isteri-isteri dan keturunan. Dan tidak ada hak bagi seorang Rasul mendatangkan sesuatu ayat (mukjizat) melainkan dengan izin Allah. Bagi tiap-tiap masa ada Kitab (yang tertentu)”

(iii) Hadith Anas bin Mālik r.a :

عَنْ أَنَسِ أَنَّ نَفَرًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلُوا أَزْوَاجَ
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ عَمَلِهِ فِي السُّرِّ فَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا أَتَرَوْجُ
النِّسَاءَ وَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا أَكُلُ اللَّحْمَ وَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا أَنَامُ عَلَى فِرَاشٍ
فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَتَّسَى عَلَيْهِ فَقَالَ مَا بَالُ أَقْوَامٍ قَالُوا كَذَا وَكَذَا لَكِنِّي أَصْلِي
وَأَنَامُ وَأَصُومُ وَأَفْطُرُ وَأَتَرَوْجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُتُّونِي فَلَيْسَ مِنِّي^{١٧٤}

Maksudnya: “Dari Anas bahawa sekelompok orang dari kalangan sahabat Nabi SAW bertanya kepada isteri-isteri Nabi SAW mengenai amalan beliau yang tersembunyi. Maka sebahagian dari mereka pun berkata, “Saya tidak akan menikah.” Kemudian sebagian lagi berkata, “Aku tidak akan makan daging.” Dan sebahagian lain lagi berkata, “Aku tidak akan tidur di atas kasurku.” Mendengar ucapan-ucapan itu, Nabi SAW memuji Allah dan menyanjung-Nya, kemudian beliau bersabda: “Ada apa dengan mereka? Mereka berkata begini dan begitu, padahal aku sendiri shalat dan juga tidur, berpuasa dan juga berbuka, dan aku juga menikahi wanita. Maka siapa yang saja yang membenci sunnahku, bererti bukan dari golonganku.”

(iv) Kerana tidak menikah itu merupakan bentuk penyerupaan terhadap orang-orang

Naṣara, sedang menyerupai mereka di dalam masalah ibadat adalah haram.

Berkata Syeikh al-Uthaimin :

“ ...dan kerana dengan meninggalkan nikah padahal ia mampu, merupakan bentuk penyerupaan dengan orang-orang Naṣara yang meninggalkan nikah sebagai bentuk

¹⁷³ Sūrah al-Ra'd (13) : 38

¹⁷⁴ Hadith riwayat Bukhari, kitab al-Nikah, no.hadith 1734. Lihat Muṣṭafa Dib al- (1988), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī al-Masyhūr bi Mukhtaṣar al-Zabīdī*, Dimashq: Dār al-Ulūm., h. 34

peribadatan mereka. Sedangkan menyerupai ibadat bukan muslim hukumnya adalah haram. ^{“¹⁷⁵}

Kerana menyerupai mereka haram, maka wajib meninggalkan penyerupaan tersebut dengan cara menikah, sehingga menikah hukumnya wajib.

Pendapat Kedua :

Bahawa hukum asal dari pernikahan adalah sunnah, bukannya wajib. Ini merupakan pendapat jumhur ulamak. Berkata Imam Nawawi : “Ini adalah mazhab kita (Shāfi’iyyah) dan mazhab seluruh ulamak, bahawa perintah menikah di sini adalah anjuran, bukan kewajiban dan tidak diketahui seseorang pun mewajibkan nikah kecuali Dawūd dan orang-orang yang setuju dengannya dari pengikut Ahlu Zāhir (Zāhiriyyah), dan riwayat dari Imam Ahmad. ^{“¹⁷⁶} Dalil-dalil mereka adalah :

(i) Firman Allah S.W.T :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ
مَشْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ
ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَا تَعُولُوا^{١٧٦}

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu mengawininya), maka kawinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang saja, atau budak-budak yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya.

Berkata Imam al-Nawawi: “Ayat di atas merupakan dalil jumhur ulamak (bahawa berkahwin itu hukumnya sunnah), kerana Allah S.W.T memberikan pilihan antara bernikah atau mengambil hamba secara sepakat. Seandainya bernikah itu wajib, maka Allah tidaklah memberikan pilhan antara bernikah atau mengambil hamba. Kerana

¹⁷⁵ al-Uthaimin, *Syārḥ al-Mumti’*, j: 5, h. 80

¹⁷⁶ al-Nawawi, *Syārḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j: 9, h: 173

¹⁷⁷ Sūrah al-Nisā’ (4) : 3

menurut ulamak usul fiqh bahawa memberikan pilihan antara yang wajib dan yang tidak wajib, akan menyebabkan hilangnya hakikat wajib itu sendiri, dan akan menyebabkan orang yang meninggalkan kewajipan tidak berdosa.¹⁷⁸ Perintah yang terdapat dalam hadith Abdullah bin Mas'ūd di atas bukan menunjukkan kewajiban, tetapi menunjukan "al-istiḥbāb" "(sesuatu yang dianjurkan).

(ii) Bahawa menikah maslahatnya kembali kepada orang yang melakukannya terutama yang berhubungan dengan sebab syahwat, sehingga dikatakan bahawa perintah di atas sebagai bentuk pengarahan saja.

2) Hukum Menikah Menurut Kedudukan Pelakunya

Adapun hukum nikah jika dilihat dari kedudukan orang yang melakukannya adalah sebagai berikut :

Pertama :

Nikah hukumnya wajib, bagi orang yang mempunyai hasrat yang tinggi untuk menikah kerana syahwatnya bergejolak sedangkan dia mempunyai kemampuan ekonomi yang cukup. Dia merasa terganggu dengan nafsu syahwatnya, sehingga dikuatirkan akan terjerumus di dalam perzinaan. Begitu juga seorang mahasiswa atau pelajar, jika dia merasa tidak boleh konsentrasi di dalam belajar, kerana memikirkan pernikahan, maka orang seperti ini wajib baginya untuk bernikah jika memang dia mampu untuk itu secara material dan fizikal, serta boleh menunaikan tanggung jawab, atau menurut perkiraannya pernikahannya akan menambah semangat dan tumpuan dalam belajar.

Kedua :

Nikah hukumnya sunat bagi orang yang mempunyai syahwat, dan mempunyai harta, tetapi tidak takut terjerumus dalam maksiat dan perzinaan.¹⁷⁹ Dalam hal ini Syeikh

¹⁷⁸ al-Nawawi, *Syārḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j: 9, h: 174

¹⁷⁹ Al-Nawawi, *Syārḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j: 9, h: 172

Daud telah memasukkan belanja iaitu maskahwin, pakaian yang lengkap serta makanan yang cukup pada hari perkahwinan tersebut. Jika ia tidak mampu, sunat ia meninggalkan perkahwinan tersebut dan disunatkan berpuasa.¹⁸⁰

Ketiga :

Nikah hukumnya harus bagi seorang yang mempunyai syahwat, tetapi tidak mempunyai harta. Atau seorang yang mempunyai harta tetapi tidak mempunyai syahwat.

Keempat :

Nikah hukumnya makruh bagi orang yang tidak punya harta dan tidak ada keinginan untuk menikah (lemah syahwat). Dikatakan makruh, kerana dia tidak membutuhkan perempuan untuk dinikahi, tetapi dia harus mencari harta untuk menafkahi isteri yang sebenarnya tidak dibutuhkan olehnya. Tentu akan lebih baik, kalau dia mencari nafkah untuk memenuhi kebutuhannya terlebih dahulu. Selain itu, isterinya akan sedikit tidak terurus, dan kemungkinan tidak akan mendapatkan nafkah batin, kecuali sedikit sahaja, kerana sebenarnya suaminya tidak membutuhkannya dan tidak terlalu tertarik dengan wanita. Begitu juga seseorang yang mempunyai keinginan untuk bernikah, tetapi tidak mempunyai harta yang cukup, maka baginya, nikah itu adalah makruh. Adapun seseorang yang mempunyai harta tetapi tidak ada keinginan untuk bernikah (lemah syahwat), para ulamak berbeza pendapat :

Pendapat Pertama : Tidak makruh dia bernikah tetapi lebih baik baginya untuk konsentrasi dalam ibadah. Ini adalah pendapat Imam Shāfi’ī dan kebanyakan ulamak Shāfi’iyah.¹⁸¹

¹⁸⁰ Syeikh Daud (t.t), *Idāh al-Bāb li Murid al-Nikāh bi al-Ṣawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd , h.4
¹⁸¹ Al-Nawawi, *Syārḥ Ṣaḥīḥ Muslim* , j: 9, h: 174

Pendapat Kedua : Nikah baginya lebih baik. Ini adalah pendapat Abu Ḥanifah dan sebahagian dari ulamak Shāfi'iyyah serta sebahagian dari ulamak Mālikiyah.

Kelima :

Nikah hukumnya haram, bagi yang mereka yang merasakan dirinya tidak mampu bertanggungjawab terhadap isteri dan anak. Syeikh al-Uthaimin memasukan pernikahan yang haram adalah pernikahan yang dilakukan di Darul Harbi (Negara Yang Memusuhi Umat Islam), kerana dikhuawatirkan musuh akan mengalahkan umat Islam dan anak-anaknya akan dijadikan hamba. Tetapi jika dilakukan dalam keadaan darurat, maka dibolehkan.¹⁸²

3.2.5 Tujuan perkahwinan

Menurut Syeikh Daud juga tujuan perkahwinan dalam Islam itu ialah untuk mengikut sunnah Rasulullah SAW bukan sekadar untuk berseronok dan main-main serta untuk memperolehi harta daripada isteri .¹⁸³

Imam al-Ghazālī pula ada menyebutkan di dalam kitabnya *al-Iḥyā' Ulūm al-Dīn*,¹⁸⁴ terdapat 5 tujuan iaitu :

- 1) Dapat menghasilkan keturunan supaya dunia ini tidak kepupusan makhluk dari bangsa manusia. Dan seterusnya anak tersebut dapat berdoa untuk kedua ibubapanya setelah kematian mereka.
- 2) Menghilangkan tekanan syahwat seks terhadap wanita yang sentiasa datang mengganggu di dalam ibadatnya. Tekanan ini juga akan membawa kepada zina mata

¹⁸² Al-Uthaimin, *Syārḥ Bulūgh al-Marām*, j: 3, h: 179

¹⁸³ *Ibid*, h. 4

¹⁸⁴ Ghazālī, Abū Ḥāmid al-(t.t), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn* , Kahirah: Matba'ah al-Adab ,h. 45

atau zina faraj. Dengan perkahwinan seseorang itu dapat memelihara diri dari syaitan yang akan membawa ke arah perkara-perkara yang haram.

- 3) Membereskan gangguan hati dalam masalah urusan rumahtangga seperti memasak, mengemas, membasuh dan lain-lain. Dengan ini, masanya tidak banyak terbuang hanya untuk urusan tersebut sahaja.
- 4) Dengan pergaulan dan percampuran suami isteri dapat menggembirakan serta menjinakkan hati dan perasaan. Di mana perkara ini akan mendorong dan menguatkan hatinya untuk rajin melakukan ibadat.
- 5) Dapat bermujahadah melawan hawa nafsu di dalam kehidupan berumahtangga, antaranya ialah:
 - i. Dengan menunaikan hak-hak yang diwajibkan terhadap isteri.
 - ii. Bersabar terhadap tingkah laku isteri yang tidak secocok dengannya.
 - iii. Berusaha untuk memperelok akhlak anak dan isterinya serta memberi tunjuk ajar kepada mereka ke jalan agama.
 - iv. Berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan rezeki yang halal untuk menyara anak dan isteri.
 - v. Mendidik anak-anak supaya menjadi insan yang berguna.

3.2.6 Hal-hal yang sunat diperhatikan semasa memilih jodoh

Islam telah menggariskan sifat yang perlu ada pada calon pengantin perempuan dan pengantin lelaki. Seseorang yang ingin berkahwin mestilah mencari suami atau isteri dengan sifat-sifat yang telah dikemukakan oleh Islam. Menurut Syeikh Daud al-Fatani perkara-perkara yang sunat diperhatikan untuk mencapai kehidupan yang tenteram yang berkaitan dengan persoalan wanita supaya ikatan perkahwinan menjadi

kekal serta tujuan-tujuan yang baik dari perkahwinan itu akan tercapai ialah lapan perkara:¹⁸⁵

1. Memilih wanita yang baik agama dan akhlaknya.

Hendaklah isteri itu seorang yang salehah dan berpegang teguh pada agama. Sebab itulah Rasulullah SAW sangat menggalakkan dan merangsang supaya memilih wanita yang kukuh agamanya. Kriteria memilih seorang wanita yang baik agama dan akhlaknya adalah sebuah kriteria yang sangat penting ketika seseorang hendak menikahi seorang wanita. Tentang hal ini Rasulullah SAW bersabda:

(تُنَكِّحُ الْمَرْأَةَ لَأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَمَالَهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ
١٨٦ تَرِبَتْ يَدَكَ)

Maksudnya: “*Woman is married because of her wealth or her load or her status or her religion*”.
“Woman is married because of her wealth or her load or her status or her religion”.

2. Sempurna akal dan mengutamakan wanita yang masih gadis.

Masih gadis/anak dara ialah perempuan yang masih belum berkahwin. Sabda Nabi SAW :

(عَلَيْكُمْ بِالْأَبْكَارِ فَإِنَّهُنَّ أَعْذَبُ أَفْوَاهًا وَأَنْقُرُ أَرْحَامًا وَأَسْخَنُ أَفْبَالًا وَأَرْضَى
١٨٧ بِالْأَيْسِيرِ مِنَ الْعَمَلِ وَأَغْرَى غَرَّةً)

Maksudnya: *Hendaklah kamu memilih perempuan-perempuan yang masih dara, kerana mereka lebih lembut kata-katanya, lebih mampu melahirkan anak yang ramai dan lebih reda dengan sedikit kesenangan.*

Oleh itu, seseorang lelaki disunatkan berkahwin dengan anak dara kerana hati mereka akan jinak dengan orang pertama yang digaulinya melainkan kerana sesuatu hajat kepada janda seperti lemah alat kemaluannya, bertujuan untuk memelihara

¹⁸⁵ Syeikh Daud (t.t), *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd, h.4

¹⁸⁶ Ḥadīth diriwayatkan oleh al-Bukhārī no. ḥadīth 5090, Muslim no. ḥadīth 1466, Sunan Abī Dawud no. ḥadīth 2047, Sunan al-Nasā'ī no. ḥadīth 68/6. Sunan al-Dārāmī no. ḥadīth 134/2 . al-Sunan al-Kubrā no. ḥadīth 79/7. Fath al-Bārī no. hadīth 32/9 . Musykāt al-Maṣābiḥ no. ḥadīth 4082. Lihat al-Nawawi (t.t), al-Adhkar, al-Madinah al-Nabawiyyah, h.87

¹⁸⁷ Ḥadīth diriwayatkan oleh ‘Abdullāh ibn ‘Umar. Lihat al-Suyūṭī, al-Jāmi’ al-Saghīr no. ḥadīth 5509

anaknya dan sebagainya. Begitu juga hendaklah perempuan yang dikahwini itu sudah baligh. Diriwayatkan dalam sebuah hadith bahwa Jabir r.a mendatangi Nabi SAW dan beliau bersabda :

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَتَنْزَوَجْتَ يَا جَابِرُ فَقُلْتُ نَعَمْ فَقَالَ بَكْرًا أَمْ ثَيَّبًا فَقُلْتُ لَا بَلْ ثَيَّبًا فَقَالَ هَلَا جَارِيَةً ثُلَاعِبُهَا وَثُلَاعِبُكَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ مَاتَ وَتَرَكَ سَبْعَ بَنَاتٍ أَوْ تِسْعًا فَجِئْتُ بِمَنْ يَقُولُ عَلَيْهِنَّ قَالَ فَدَعَا لِي^{١٨٨}

Maksudnya: "Apakah kamu sudah menikah?" Jabir menjawab: "Ya". Rasulullah SAW bertanya: "Dengan gadis atau janda?" Maka ia menjawab: "Janda". Rasulullah SAW bersabda: "Mengapa kamu tidak menikahi gadis, di mana engkau boleh bermain dengannya dan dia boleh bermain denganmu"

3. Memilih wanita yang subur dan *al-Wadūd* (penyayang)

Di antara hal yang perlu diperhatikan ketika memilih pendamping hidup adalah memilih seorang wanita yang subur. Kesuburan seseorang perempuan boleh diketahui dengan melihat keluarganya seperti adik-beradik perempuan, ibu saudaranya dan sebagainya. Lelaki yang berpotensi mempunyai ramai anak juga dapat diketahui dengan melihat kepada keluarganya. Perlu diperhatikan juga ketika seseorang hendak memilih seorang wanita ialah seorang wanita dari keluarga dan keturunan yang baik-baik. Begitulah juga mestilah memilih wanita yang penyayang, berketurunan ulamak dan orang yang saleh. Syeikh Daud juga berpendapat makruh berkahwin dengan anak zina, anak yang dipungut, anak yang tidak diketahui bapanya, anak orang fasiq dan anak orang yang melakukan perbuatan bid'ah. Rasulullah S.AW bersabda :

تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ فَإِنَّمَا مَكَاثِرَ بَكَمٍ^{١٨٩}

¹⁸⁸ Hadith diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, kitab al-Nikah, bab apa yang datang pada perkahwinan anak dara, no. hadith 1100., h. 406

¹⁸⁹ Hadith diriwayatkan oleh Abū Dawūd, kitab al-Nikah, no.hadith 2050

“Nikahilah wanita yang penyayang dan ramai anak kerana sesungguhnya aku berbangga dengan ramainya kamu (sebagai umatku).”

4. Memilih wanita bukan daripada keluarga terdekat (kaum kerabat)

Diantara perkara yang perlu diperhatikan ketika seseorang hendak memilih seorang wanita untuk menjadi pendamping hidupnya ialah bukan daripada kaum kerabat yang terdekat kerana ini akan menyebabkan lemah syahwatnya dan akan melahirkan zuriat yang lemah melainkan kerana kepentingan seperti menghubungkan sialturrahim, menutupkan keaiban diri kerana tidak ada orang lain yang ingin mengahwininya dan sebagainya.

5. Memilih wanita yang cantik dari segi rupa parasnya engkau menyukainya.

Tentu hal ini tanpa sikap berlebih-lebihan dan juga bukan sikap meremehkan kerana wanita yang yang cantik dari segi rupa parasnya engkau menyukainya akan menumbuhkan rasa cinta yang menjadi sebab harmoninya rumah tanggamu. Maka dari itu dalam syari'at kita dianjurkan untuk melihat calon pendamping hidup kita. Kalau sesuai dengan kita, maka kita melamarnya. Kalau tidak sesuai tidak mengapa untuk tidak melanjutkan pada proses selanjutnya.

Syeikh Daud al-Fatani juga mengakhiri dalam masalah pemilihan jodoh ini dengan mengemukakan beberapa faedah untuk seorang yang hendak berkahwin iaitu :

1. Melihat Bakal Isteri¹⁹⁰

Di antara perkara sunat yang digalakkan oleh Islam ialah seseorang lelaki melihat perempuan yang ingin dikahwininya sebelum peminangan. Ini disunatkan jika lelaki tersebut benar-benar berniat untuk mengahwininya dan berharap peminangannya akan

¹⁹⁰ Syeikh Daud (t.t), *İdāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd , h.5

diterima. Syarak membenarkan lelaki tersebut melihatnya tanpa meminta kebenaran dan tanpa pengetahuannya supaya dia tidak berhias terlebih dahulu. Jika perempuan tersebut berhias, tujuan melihat tidak akan tercapai. Lelaki tersebut boleh melihat bakal tunangnya dua atau tiga kali jika dia perlu melihat keadaan wanita tersebut dengan lebih jelas lagi. Ini dilakukan untuk mengelakkan kekecewaan selepas berkahwin, ini kerana biasanya, matlamat yang dikehendaki tidak tercapai dengan sekali pandang. Apabila seseorang laki-laki berhasrat untuk berkahwin, adalah digalakkan beliau mempelajari dan mengetahui akan sifat wanita solehah. Kerana yang demikian dapat membantu dalam membuat pilihan bakal isterinya. Sebelum ia meminang tidak menjadi kesalahan bila seorang laki-laki ingin mengenal pasti keadaan jasmani wanita (bakal isteri). Adakah dia sihat atau berpenyakit, kecacatan, gemuk atau kurusnya, putih atau hitamnya dan bagaimana raut wajahnya. Untuk keperluan ini semua, seorang laki-laki yang betul-betul berazam untuk memperisteri seorang wanita dibenarkan melihat wanita yang dimaksud.

2. Hukum pandangan lelaki terhadap wanita itu tujuh bahagian:¹⁹¹

- a) Pandangan kepada perempuan ajnabi. Seorang laki-laki yang baligh diharamkan melihat kepada perempuan yang merdeka serta dewasa yang boleh menimbulkan keinginan nafsu syahwatnya sama ada ia takut akan fitnah atau tiada tetapi tiada haram melihat imej melalui cermin jika tiada takut fitnah¹⁹² seperti di kaca TV, surat khabar dan majalah-majalah.
- b) Pandangan kepada isteri dan hambanya. Hukumnya harus pandang seluruh tubuhnya.

¹⁹¹ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Sullam al-Mubtadin Fi Ma 'rifah Tariqah al-Muhtadin*, Thailand, Fatani: Matba'ah Ibn Halabi, h.27

¹⁹² Syeikh Daud (t.t), *Idāh al-albab*, op.cit , h.5

- c) Pandangan kepada mahramnya atau hamba yang ada suaminya. Harus dipandang pada selain daripada antara pusat dan lututnya.
- d) Pandangan kerana perkahwinan. Hukumnya harus melihat tangan dan mukanya
- e) Pandangan kerana berubat. Hukumnya harus pandang kepada tempat yang ingin diubati.
- f) Pandangan kerana penyaksian dan urusan jual beli. Hukumnya harus pandang kepada mukanya sahaja
- g) Pandangan kepada hamba ketika hendak membeli. Hukumnya harus memandang kepada tempat yang hendak dilihat seperti tangan, kaki dan rambutnya.

Demikian juga, mendengar suara seorang perempuan tidak haram tetapi makruh jika tidak menimbulkan fitnah. Setiap anggota yang haram dilihat ketika berhubung pada badan, maka haram pula memandangnya ketika bercerai daripada badan seperti kuku perempuan, rambutnya atau bulu ari-ari laki-laki.¹⁹³ Setiap anggota yang haram dilihat maka haram pula menyentuhnya, sama ada ketika ia berhubung di badan atau bercerai daripada badan kerana sentuhan itu lebih memberi rangsangan daripada pandangan.

3. Batasan aurat wanita di hadapan lelaki mahramnya

Batasan aurat wanita di hadapan lelaki mahramnya ialah antara pusat dan lutut. Selain kedu-duanya tidak dikira aurat dan boleh dilihat oleh *mahramnya*.

¹⁹³ Syeikh Ibn Ḥajar al-Haitamī (t.t), *Tuhfah al-Muhtāj Fī Shārh al-Minhāj*, j. 7, Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafa Muhammād., h.208

4. Hukum Pandangan Hamba

Hukum pandangan hamba perempuan seperti hukum pandangan perempuan yang merdeka. dan kanak-kanak perempuan yang belum lagi sampai had syahwat harus memandang kepadanya melainkan farajnya . Hamba laki-laki harus memandang kepada penghulunya yang perempuan seperti pandangan laki-laki kepada *mahramnya*. Orang yang mamsuh yakni yang sudah hilang zakarnya dan dua bijinya harus memandang kepada perempuan ajnabi seperti hukum laki-laki memandang kepada *mahramnya*. Dan kanak-kanak yang hampir baligh seperti hukum baligh.

5. Pandangan lelaki sesama lelaki

Pandangan laki-laki sesama laki-laki ialah anggota yang selain antara pusat dan lututnya, melainkan remaja yang elok rupa parasnya, maka haram memandang kepadanya sama ada dengan rangsangan syahwatnya atau tiada.

6. Hukum pandangan sesama wanita Islam

Hukum memandang perempuan sesama perempuan seperti memandang laki-laki sesama laki-laki.

7. Pandangan wanita kafir kepada wanita Islam

Perempuan kafir *dhimmi* haram memandang kepada perempuan yang Islam yang selain daripada tuannya dan pandangan perempuan kepada laki-laki itu seperti pandangan laki-laki kepada perempuan.

8. Pandangan wanita kepada lelaki mahramnya

Perempuan harus memandang kepada laki-laki yang mahramnya yang lain daripada pusat dan lututnya. Harus memandang dan bersentuh kerana berbekam, berubat jika

mahramnya hadir bersamanya dan ketiadaan perempuan yang mengetahui pekerjaan tersebut. Demikian juga harus memandang kerana berjual beli, penyaksian, pembelajaran dengan syarat mahramnya tidak tahu mengajar ilmu tersebut dan ketiadaan bersunyi pada suatu khalwat.

9. Hukum melihat kemaluan isteri

Seorang suami harus memandang sekalian badan isterinya tetapi makruh ia memandang kepada farajnya dan di dalam farajnya terlebih sangat jikalau ketika jimak sekalipun. Memandang faraj dirinya dengan ketiadaan hajat itu hukumnya makruh.¹⁹⁴

10. Berselimut telanjang.

Lelaki ditegah/ diharamkan berselimut telanjang bersama lelaki lain, sekalipun keluarga terdekat sama ada ibubapanya. Begitu juga perempuan.

3.2.7 Perkara yang sunat dilakukan ketika berkahwin

(1) Sebelum Perkahwinan

a) Meminang

Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً ، فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَنْظُرَ إِلَيْهَا ، إِذَا كَانَ أَنْمَى يَنْظُرُ إِلَيْهَا

لِخُطْبَتِهِ وَإِنْ كَانَتْ لَا تَعْلَمُ¹⁹⁵

Maksudnya: "Jika seseorang di antara kamu meminang seorang perempuan, maka tidak mengapa baginya (tidak berdosa) melihat sesuatu dari perempuan tersebut, apabila melihatnya memang keperluan untuk meminang, sekalipun dia tidak mengetahui".

Walaupun melihat bakal isteri dibolehkan, tidak bererti boleh melihat dengan sesuka hatinya hingga melanggar ketetapan syarak. Ia tertakluk kepada beberapa syarat:

¹⁹⁴ Ramlī, Shāms al-Dīn Muhammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad b. Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al- (1984), *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Shārh al-Muhtaj*, Beirut: Dār al-Fikr Li al-Ṭibā’ah, h. 199

¹⁹⁵ Hadith diriwayatkan oleh Imam Ahmad no. hadith 424

Pertama: Mesti disaksikan oleh salah seorang *mahram* siwanita. Kedua: Tidak boleh berdua-duaan saling pandang memandang. Melihat wajah wanita dan telapak tangannya dapat dilakukan sendiri oleh lelaki yang akan meminang dengan syarat seperti di atas. Dengan melihat pada tapak tangannya dapat diketahui apakah wanita itu berbadan besar segar atau tidak, halus atau kasar. Dengan melihat pada wajahnya dapat diketahui apakah wanita itu cantik atau tidak. Hal-hal lain seperti tutur kata, akhlak dan hal-hal lain yang perlu tentunya susah dilakukan oleh lelaki. Dalam hal-hal ini dia boleh mengutus wanita dari kalangan keluarganya untuk merisiknya. Wanita yang dipercaya itu akan bergaul dan mengenali calon isteri dari dekat dan seterusnya dapat memberitahukan pada pihak laki-laki apa-apa maklumat yang diinginkannya.

- Syarat-syarat Wanita Yang Dipinang

Dalam menentukan syarat wanita yang dipinang Syeikh Daud al-Fatani telah membahagikan syarat tersebut seperti berikut:

- (i) Bukan isteri orang dan bukan pada masa iddah
- (ii) Bukan Pinangan Orang Lain

Meminang wanita yang telah dipinang oleh laki-laki lain hukumnya haram di sisi syarak, kerana yang demikian itu dapat merosakkan persaudaraan dan menyakitkan hati orang lain. Rasulullah SAW. bersabda:

أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا كَانَ يَقُولُ نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبِيعَ
بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعٍ بَعْضٍ، وَلَا يَخْطُبَ الرَّجُلُ عَلَى خُطْبَةِ أَخِيهِ، حَتَّى يَتَرُكَ الْخَاطِبُ
قَبْلَهُ، أَوْ يَأْذَنَ لَهُ الْخَاطِبُ.^{١٩٦}

Maksudnya: "Seseorang laki-laki tidak boleh meminang wanita yang telah dipinang oleh saudaranya (orang lain sesama muslim) sebelum laki-laki yang meminang terdahulu meninggalkannya (telah putus

¹⁹⁶ Hadith diriwayatkan oleh Bukhari: Kitāb al-Nikāh, no.hadith: 5197 daripada Ibn 'Umar.

hubungan pertunangan), atau tunangan terdahulu itu mengizinkannya".

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَبِعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعٍ أَخِيهِ وَلَا يَخْطُبُ
عَلَى حِطْبَةِ أَخِيهِ^{١٩١}

Maksudnya: *Tiada menjual seorang lelaki di atas penjualan saudaranya dan tiada meminang di atas peminangan saudaranya kecuali jika ia izin kepadanya.*

Larangan tersebut ini sebagaimana yang diterangkan oleh hadith adalah am meliputi kepada orang Islam dan kepada orang kafir. Demikian menurut pendapat kebanyakan fuqaha kecuali Imam Ahmad dan orang lain yang mengatakan larangan itu adalah khas kepada orang Islam tidak kepada orang kafir.¹⁹⁸

Apabila diketahui bahawa tunangan terdahulu sudah jelas tidak menghendakinya lagi, atau sudah putus hubungan pertunangan, maka lelaki lain boleh meminang tanpa izinnya.

(iii) Bukan Pada Masa Iddah

Haram hukumnya meminang wanita yang sedang beriddah bukan darinya. Tetapi bila wanita sedang iddah bukan talak *raj'iyy*, seorang laki-laki boleh meminangnya dengan cara *ta'rīd* (sindiran) bukan secara berterus terang. Contoh pinangan dengan *ta'rīd* adalah; "Engkau lawa' atau "Ramai orang yang sukakan engkau dan lain-lain. Talak *raj'iyy* ialah talak satu atau dua, jadi masih ada kemungkinan bagi si suami merujuk isterinya semula. Wanita yang ditalak *raj'iyy* tidak boleh dipinang secara *ta'rīd* apa lagi secara terang-terangan (*tasrih*).

¹⁹⁷ Hadith diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, kitab al-Nikah, bab tidak boleh meminang atas pinangan saudaranya, no.hadith 1134., h.440

¹⁹⁸ Muṣṭafā ‘Abdul Raḥman (2008), *Hadith Empat Puluh (Terjemahan dan Syārahnya)*, Shah Alam, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h: 376

(iv) Bukan Wanita Yang Ditalak Tiga Oleh Dirinya

Lelaki yang telah mentalak tiga terhadap isterinya, dia tidak boleh meminang lagi bekas isterinya, sehinggalah wanita tersebut telah bertahallul (dikahwin oleh laki-laki lain kemudian dicerai setelah disetubuhi). Apabila masa iddahnya telah habis maka bekas suami pertama boleh meminangnya semula.

2) **Ketika akad nikah**

- a) Mendahului Khutbah

Khutbah itu disunatkan sebelum peminangan dilakukan seperti sekurang-kurang:

(بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ)

- b) Ucapan wali sebelum akad nikah
- c) Dihadiri oleh orang *ṣāliḥ*
- d) Meminta supaya dua saksi itu bertaubat
- e) Sunat disaksikan reda perempuan yang hendak dikahwinkan
- f) Jangan dikahwinkan anak perempuan sehingga baligh dan dengan mendapat keizinannya
- g) Meminta izin daripada ibu perempuan dan bermesyuarat dengannya.

3) **Selepas akad**

- a) Menzahirkan nikah
- b) Mendoakan kedua-dua pengantin
- c) Mengadakan jamuan walimah

Definisi Walimah

Menurut Imam al-Şan'ani , kata walimah (وليمة) diambil dari kata asal (ولم) yang bererti perhimpunan, kerana pasangan suami isteri (pada ketika itu) berkumpul. Bentuk kata kerjanya adalah *awlama* yang bermakna setiap makanan yang dihidangkan untuk menterjemahkan kegembiraan. Dan walimatul urus adalah walimah untuk pernikahan yang menghalalkan hubungan suami isteri dan perpindahan status pemilikan.

Ini adalah sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Anas r.a, di mana beliau berkata:

*“Ketika tiba waktu pagi hari setelah Nabi Muhammad s.a.w menjadi seorang pengantin dengan Zainab bin Jahsy, beliau mengundang orang-orang, lalu mereka dijamu dengan makanan dan setelah itu mereka pun bersurai.”*¹⁹⁹

Hukum Mengadakannya

Menurut Syeikh Daud al-Fatani hukum mengadakan walimah al-urus adalah sunat muakkad²⁰⁰ yakni amat dituntut oleh agama Islam.. Terutamanya, bagi mengisyiharkan perkahwinan pasangan lelaki dan perempuan agar tidak timbul fitnah.

Waktu Walimah

Imam al-Mawardi dari mazhab al-Shāfi'ī menjelaskan bahawa waktunya adalah setelah selesai akad pernikahan dan setelah kedua pasangan bersama.

Menurut Abā Malik Kamal al-Sayyid Salim, walimah tidak diadakan ketika perjalanan akad nikah berlangsung atau sebaik akad nikah, tetapi adalah setelah pasangan bersama (bersetubuh) .

Begitu juga sebagaimana yang dijelaskan oleh ‘Amru Abdul Mun’im Salim:

¹⁹⁹ Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim, no. hadis 1428.

²⁰⁰ Syeikh Daud (t.t), *İdāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb* , Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd , h. 7

“Seseorang hendaklah menyelenggarakan walimah setelah ia berkumpul dengan isterinya.”²⁰¹

Tujuan Walimatul ‘Arus

Tujuan mengadakan walimah adalah untuk mengumumkan pernikahan di samping menggembirakan pengantin yang baru menjalani jinjang pelamin dan ia juga sebagai tanda kegembiraan orang tua kerana mendapat menantu baru. Pengumuman yang sebaik-baiknya ialah majlis perkahwinan yang diadakan di masjid dan dipukul gendang dan rebana.

Oleh yang demikian, dalam meraikan kegembiraan tersebut adalah penting bagi kita untuk membezakan antara adat dengan ibadat yang perlu dipatuhi. Tidak menjadi kesalahan kepada kita untuk mengikut adat resam sesebuah kaum asalkan adat itu tidak bertentangan dengan syarak.

Hukum Menghadirinya Dan Syarat Wajib Ke Majlis Kenduri Kahwin Apabila Di Undang Atau Di Jemput.²⁰²

Menerima jemputan ke majlis perkahwinan adalah wajib terhadap setiap orang yang dijemput kecuali ada sesuatu keuzuran. Tidak dapat menghadirinya disebabkan sakit atau sebagainya.

Syeikh Daud al-Fatani mengatakan bahawa memperkenankan jemputan walimatulurus adalah wajib ‘ain. Beliau juga menyebut pandangan yang mengatakan sunat juga tapi tak dinyatakan siapa yang berpendapat sedemikian.

Di antara syarat wajib ke majlis kenduri tersebut seperti berikut:

²⁰¹ Amru Abdul Mun’im Salim, *Panduan Lengkap Nikah Menuju Keluarga Sakinah*, Dar an-Naba’, h:177.

²⁰² Syeikh Daud (t.t), *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Sawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd , h. 8

- i. Yang dijemput itu bukan khusus kepada orang yang kaya sahaja.
- ii. Jika dijemput datang pada majlis walimah tersebut selama 2 hari berturut-turut, maka hanya wajib datang 1 hari sahaja.
- iii. Di dalam majlis walimah tersebut, tidak ada seorang pun terdiri dari musuhnya.
- iv. Di dalam majlis walimah itu, tidak ada perkara yang mungkar dan maksiat seperti hamparan sutera, arak, judi dan joget.
- v. Tiada bercampur gaul didalam majlis itu dengan perempuan-perempuan yang bukan muhrimnya.

Bolehkah Orang Yang Berpuasa Menghadiri Walimah?

Dari Abū Hurairah r.a, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ إِلَى طَعَامٍ فَلْيُجِبْ فَإِنْ كَانَ صَائِمًا فَلْيُصِلْ يَعْنِي الدُّعَاءَ

“Apabila seseorang di antara kamu diundang, hendaklah dia memenuhi undangan tersebut, jika dia sedang berpuasa hendaklah dia mendoakan.”²⁰³

Menurut Imam al-Šan’āni, hadith ini menunjukkan wajibnya memenuhi undangan walaupun dia sedang berpuasa.²⁰⁴ Dan sebenarnya tidak ada perbezaan akan kewajiban untuk memenuhi undangan walimah sama ada dia sedang berpuasa atau pun tidak. Akan tetapi dibolehkan bagi mereka yang berpuasa untuk menghadirinya sahaja tanpa menyantap hidangan dan dianjurkan mendoakan orang yang mengundangnya. Namun, jika dia mahu, dia boleh untuk memakannya, atau tidak memakannya. Dan jika dia membatalkan puasanya, puasa sunat yang ditinggalkannya tidak wajib diganti. Sekiranya ia berpuasa

²⁰³ Hadith diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, kitab al-Šaum, no.hadith 780., h. 150

²⁰⁴ al-Šan’āni, *Subul al- Salam*, jil. 2, Bab Nikah, Dar Sunnah h: 732

wajib, maka ia haram membuka puasa tersebut. Inilah pendapat Syeikh Daud al-Fatani.

3.3 Bab Rukun-rukun Nikah dan Syarat-syaratnya

Bab ini akan membincangkan tentang rukun dan syarat-syarat perkahwinan. Syarat sah perkahwinan itu dapat diketahui dengan mengetahui syarat-syarat ketika berlakunya akad perkahwinan tersebut seperti mengetahui cara-cara akad yang wajib dan syarat-syaratnya.

3.3.1 Rukun nikah

Menurut Syeikh Daud al-Fatani, nikah mempunyai lima rukun iaitu:²⁰⁵

- (i) *Sighah* Ijab dan qabul (akad nikah)
- (ii) Dua orang saksi
- (iii) Wali
- (iv) Pengantin lelaki
- (v) Isteri

Dalam membahagikan rukun nikah ini, Syeikh Daud tidak mengikut turutan yang dikemukakan oleh penulis-penulis kitab yang menjadi rujukan beliau. Syeikh Zakariyyā' al-Anṣārī dalam kitab *Fath al-Wahhāb* juga turut membahagikan rukun ini kepada lima tetapi menyenaraikan suami, isteri, wali, dua saksi dan *sighah*. Dalam kitab *al-Jawāhir al-Saniyyah*, Syeikh Daud al-Fatani membahagikan rukun nikah sama seperti dalam kitab *Fath al-Wahhāb*.²⁰⁶ Pada pendapat penulis, hal ini berlaku kerana

²⁰⁵ *Ibid*, h. 8

²⁰⁶ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *al-Jawāhir al-Saniyyah* Thailand, Fatani: Matba'ah Ibn Halabi., h. 66

Syeikh Daud lebih peka kepada permasalahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang lebih mementingkan akad sesuatu perkahwinan itu daripada rukun-rukun yang lain. Beliau telah menyusun rukun-rukun tersebut mengikut keutamaan masyarakat Melayu ketika itu.

(1) Rukun pertama: *Sighah*

Sighah ialah lafaz ijab dan qabul. Lafaz ijab daripada wali atau wakil wali seperti dia berkata: “Aku nikahkan engkau,” atau “Aku kahwinkan engkau.”

Lafaz qabul adalah daripada atau bakal suami atau wakilnya seperti dia berkata: “Aku terima nikahnya,” atau “aku terima kahwinnya.” Nikahnya itu sah jika pengantin lelaki mendahului lafaz wali kerana lafaz itu jika didahulukan atau dikemudiankan, ia memberi maksud yang sama. Tidak sah perkahwinan itu melainkan dengan dua lafaz ini iaitu *tazwīj* atau nikah.

Syarat *Sighah*

Syarat-syarat *sighah* ialah:

- a) Hendaklah menggunakan lafaz nikah atau kahwin

Secara amnya setengah daripada *sighah* itu dipersetujui oleh semua ahli-ahli fiqh dan setengah daripadanya pula berlaku perselisihan pendapat di antara para fuqaha.

Para fuqaha bersepakat mengatakan, terjadinya akad nikah dengan lafaz *tazwīj* atau lafaz *nikāh* kerana kedua-duanya berdasarkan nas al-Qur'an sebagaimana firman

Allah S.W.T:

فَإِنْكِحُوهُ مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَتْنِيٌّ وَثَلَاثَ وَرُبْعَ صَطَّ.

"Maka hendaklah kamu kahwin mana-mana perempuan yang kamu ingini, dua, tiga, atau empat...."

207 Sūrah al-Nisā, (4): 3

- *Pandangan Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki :*

Sah perkahwinan dengan perkataan-perkataan selain lafaz *tazwīj* atau lafaz *nikāh* seperti (jualbeli, hadiah, pemberian) dengan syarat niat atau keranah yang menunjukkan ingin melangsungkan perkahwinan seperti menyatakan mahar serta menjemput orang ramai dan saksi faham maksud itu, kerana yang dituntutnya ialah mengetahui tujuan tersebut oleh pihak yang melakukan akad.

- *Pandangan Mazhab Shāfi ī dan Mazhab Hanbali :*

Tidak sah akad nikah kecuali dengan perkataan selain lafaz *tazwīj* atau lafaz *nikāh* dan terjemahan kedua-dua lafaz itu dan tidak sah akad dengan lafaz pemberian, hadiah atau pemilikan kerana telah datang nas al-Qur'an sebagaimana dinyatakan di atas.²⁰⁸

Dalam hal ini Syeikh Daud al-Fatani sependapat dengan Imam Shāfi ī iaitu tiada sah nikah melainkan dengan lafaz *tazwīj* atau lafaz *nikāh* (tetapi) sah dengan bahasa *a'jamiyah* iaitu yang lain daripada bahasa Arab dengan diterjemahkan daripada dua lafaz iaitu dengan difahami oleh tiap-tiap daripada wali dan suami dan dua saksi.²⁰⁹

b) Lafaz Ijab dan Qabul Hendaklah Disebut Secara Jelas dan Terang Akad Nikah Tanpa Menggunakan Bahasa Arab

Sah hukumnya menggunakan bahasa asing (bukan bahasa Arab) untuk akad nikah. Sekiranya ijab dan qabul menggunakan bahasa asing, sah akad nikahnya sekalipun wali dan pengantin mengetahui bahasa Arab. Ini kerana perkara yang diambil kira ialah maknanya yang sama. Sebabnya ialah lafaz akad nikah dalam bahasa Arab tidak mengandungi pengertian yang luar biasa. Oleh itu memadailah dengan terjemahannya.

- *Hukum akad perkahwinan dengan lafaz selain daripada bahasa Arab*

Pengikut al- Shāfi'īyyah berselisih pendapat pada akad nikah dengan selain lafaz bahasa Arab kepada tiga pandangan:

²⁰⁸ Muḥammad Abu Zaid al-Amir (1996), 'Akad al-Ziwāj fi al-Fiqh al-Islami, al-Mansurah Maktabah al-Imān, h: 38

²⁰⁹ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Idāh al-Albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Šawāb* Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd., h: 8

- 1) Bahawa tidak terakad nikah tersebut tanpa lafaz bahasa Arab sama ada pengakadnya elok bertutur bahasa Arab atau tidak berdasarkan kepada lafaz yang wārid dalam al-Qur'an dan Sunnah dan berdasarkan qias tidak boleh membaca al-Qur'an dengan bahasa asing. Dalam hal ini hendaklah membuat pilihan dua yang berakad bahawa mewakilkan kepada orang Arab atau dia mempelajari bahasa Arab dan mengakadkan sendiri.
 - 2) Nikah tersebut terakad tanpa bahasa Arab sama ada penakad boleh berbahasa Arab atau tidak kerana lafaz selain bahasa Arab itu jelas maka keluarlah dari hukum kiasan.
 - 3) Sekiranya pengakad boleh berbahasa Arab, maka tidak terakad nikah tersebut, dan sekiranya pengakad boleh berbahasa Arab maka terakad nikah tersebut tanpa bahasa Arab.
- *Akad nikah dengan cara kiasan (lafaz kinayah)*

Akad nikah yang menggunakan bahasa kinayah (kiasan) dalam apa-apa bahasa adalah tidak sah. Lafaz kinayah ialah lafaz yang membawa maksud kahwin atau tidak seperti: "Aku halalkan anak perempuanku kepada kamu" atau "aku serahkan anak perempuanku kepadamu"
 - *Akad nikah hendak jelas pada qabulnya*

Tidak sah nikah jika ketiadaan sarih pada qabulnya seperti kata wali; "Aku kahwinkan engkau si anu," maka jawab suami: "Aku terimalah,". Dan jika berkata suami: "Kahwinkanlah kepada aku, perempuan ini," maka jawab wali: "Aku kahwinkan dia kepada engkau,". Sah perkahwinan tersebut. Begitu juga sah perkahwinan itu jika berkata wali: "Berkahwinlah engkau kepadanya," maka jawab suami : "Aku berkahwin akan dia," kerana jelas dan nyata pada ijab dan qabulnya.
 - *Akad nikah dengan lafaz pertanyaan (Istifham)*

Tidak sah nikah dengan menggunakan bentuk persoalan kerana tidak jelas maksud kehendaknya seperti kata suami: “Adakah engkau kahwinkan dia kepada aku,” maka jawab walinya: “Aku kahwinkan engkau akan dia.”

- *Isyarat orang bisu yang difahami*

Akad orang bisu menggunakan bahasa isyarat yang difahami oleh orang ramai (bukan difaahmi oleh golongan mahir dan terpelajar sahaja) adalah sah kerana ia sama dengan lafaz sarih (jelas).²¹⁰

c) Sighah Ijab Qabul Yang Sempurna

Contoh *Sighah Ijab* yang sempurna ialah wali atau wakil wali berkata kepada bakal suami: “*Aku nikahkan/kahwinkan anakku Fatimah akan engkau dengan dengan mas kahwinnya/bayaran perkahwinannya sebanyak 30 riyal*”.

Contoh sebutan *qabul* (akan dilafazkan oleh bakal suami): “*Aku terima nikah/perkahwinanku dengan Fatimah sebagai isteriku dengan mas kahwinnya/bayaran perkahwinannya sebanyak 30 riyal*”.

d) Ijab Dan Qabul Bersambung / berturut-turut (*Muwālah*)

Di antara syarat *sighah* ialah lafaz *ijab* daripada wali dan *qabul* daripada pengantin lelaki mestilah bersambung. Sekiranya wali berkata :”Aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku,” lalu lelaki itu senyap dalam satu jangka masa yang lama, kemudian selepas itu barulah dia menjawab: “Aku terima akan nikahnya,” maka akad tersebut tidak sah kerana wujud pemisah yang panjang di antara *ijab* dan *qabul*. Ini kerana kemungkinan wali menarik balik akad yang telah dilafazkan dalam jangka masa tersebut adalah perkara yang mungkin berlaku. Sekiranya senyapnya sekejap seperti untuk bernafas, tertelan air liur, batuk atau bersin, ia tidak mencacatkan kesahihan

²¹⁰ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Idāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Šawāb* Pulau Pinang: Percetakan al-Ma’arif Sdn. Bhd., h: 9

akad. Jika diselangi dengan suatu perkataan yang tiada kaitan dengan akad, maka tidak sah nikah tersebut.

e) Persepakatan atau *Muwāfaqah* pada makna di antara ijab dan qabul

Tidak sah nikah jika bertentangan antara lafaz ijab dan qabul. Seperti kata wali: “Aku kahwinkan engkau si Fatimah,” maka jawab suami: “Aku terima nikah si Zainab.”. Jika berkata wali: “Aku kahwinkan engkau si perempuan ini,” maka jawab suami: “Aku terima kahwinnya,”, maka sah nikahnya kerana bersepakat pada maknanya.

f) Lafaz ijab dan qabul itu didengari oleh dua saksi

Kedua-dua orang saksi hendaklah mendengar dan memahami lafaz ijab dan qabul tersebut.

g) Berkekalan majlis akad hingga selesai

Sekiranya wali berkata: “Aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku,” tetapi sebelum pengantin lelaki sempat menerima ijab tersebut, tiba-tiba wali perempuan menjadi gila atau pengsan, selepas itu barulah pengantin lelaki menerima ijab tadi, maka pernikahan tersebut tidak sah. Begitu juga sekiranya pengantin lelaki berkata kepada wali: “Kahwinkanlah aku dengan anak perempuanmu,” kemudian ia pengsan sebelum wali sempat berkata: “Aku kahwinkan kamu,” maka akadnya batal serta tidak sah, walaupun berlaku qabul. Hukum tidak sah dalam masalah ini kerana salah seorang daripada kedua belah pihak telah hilang keahlian untuk mengadakan akad sebelum selesainya akad. Begitu juga jika rujuk perempuan yang telah memberi izin supaya mengahwinkannya pada pertengahan akad, maka tidak sah nikah tersebut.

h) Hendaklah pastikan perempuan yang dinikahinya. (*Mu'ayyan*)

Jika wali berkata kepada pengantin lelaki: “Aku nikahkan engkau dengan salah seorang daripada anak perempuanku,” maka tidak sah akadnya kerana dia tidak menentukan anak yang mana satu yang akan dikahwini. Begitu juga jika berkata wali yang meempunyai beberapa anak perempuan: “Aku kahwinkan engkau anak perempuanku,” maka tidak sah nikahnya sekalipun kesemua anak-anaknya telah bersuami kecuali seorang daripadanya.

i) Sighah tidak secara *ta'līq*.

Tidak sah nikah dengan mengaitkan sighah dengan masa depan atau meletakkan syarat-syarat tertentu. Oleh itu sekiranya wali berkata: “Sekiranya isteriku melahirkan anak perempuan, maka aku kahwinkan engkau dengannya,” atau “Sekiranya anakku telah ditalak oleh suaminya dan setelah selesai uddahnya, aku kahwinkan engkau,”, maka tidak sah nikah tersebut.

j) Sighah mestilah Mutlak / Tidak Muaqqat

Tidak sah menentukan jankamasa pernikahan seperti sebulan, setahun atau untuk jangka masa waktu yang tidak diketahui seperti sehingga kembalinya orang yang hilang. Jika berkata wali: “Aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku sebulan atau setahun atau sehingga si fulan kembali,” lalu pengantin lelaki berkata: “Aku terima akan nikahnya itu,” maka pernikahan tersebut tidak sah kerana nikah *mut'ah* diharamkan.

(2) Rukun kedua: Dua orang saksi

Dalil Wajib Dua Orang Saksi dalam Akad Nikah

Dalil wajib wujudnya dua saksi dalam akad nikah ialah sabda Rasulullah SAW:

(لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوْلَيٍّ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ وَمَا كَانَ مِنْ نِكَاحٍ عَلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ باطِلٌ)²¹¹

Maksudnya: *Tidak sah perkahwinan tanpa seorang wali dan dua orang saksi yang adil(tidak fasiq). Maka mana-mana perkahwinan yang selain daripada itu adalah batal.*

Syarat Dua Saksi

Syarat-syarat dua orang saksi adalah seperti berikut:

- a) Akal
- b) Baligh
- c) Merdeka
- d) Islam. Akad nikah seorang perempuan yang bersaksikan orang bukan Islam adalah tidak sah kerana akad dianggap urusan agama. Ia mesti disaksikan oleh saksi yang beragama Islam. Juga kerana orang kafir tidak boleh menjadi saksi ke atas orang Islam. Tambahan pula penyaksian adalah penguasaan (al-wilayah). Oleh itu saksi yang kafir tidak diterima kerana mereka tidak mempunyai kekuasaan terhadap orang Islam.
- e) Adil. Kedua-dua orang saksi mestilah adil walaupun luaran sahaja. Maksudnya kefasikannya dilakukan secara sembunyi-sembunyi dan tidak dizahirkan. Tidak sah nikah dengan dua orang saksi yang jelas kefasikannya kerana penyaksianya tidak diyakini. Dan tiada dikaitkan tersembunyi keadilan seseorang itu apabila ia telah bertaubat pada ketika akad. Ini merupakan pandangan Syeikh Ibn Ḥajar.²¹² Menurut satu pandangan bagi Imam Shāfi ī r.a bahawa akad nikah itu terlaksana dengan dua orang saksi yang fasiq jikalau kefasiqan itu sudah menjadi umum pada sesuatu negeri dan terhalangnya nikah dengan sebab fasiq tadi. Orang fasiq adalah mereka yang mengerjakan dosa besar atau tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil. Pun begitu

²¹¹ Hadith diriwayatkan oleh Ibn Hibban dalam kitab sahihnya. Lihat Mawarid al-Zam'an ila Zawaiid Ibn Hibban, kitab nikah, bab apa yang diriwayatkan tentang wali dan saksi, no. 1247

²¹² Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb* Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'rif Sdn. Bhd., h: 11

tidak sah nikah jikalau keislaman kedua-dua saksi tersebut tersembunyi atau tidak jelas dan nyata keislamannya. Begitu juga dengan kemerdekaan mereka.

- f) *Rāsyid* (Cerdik)
- g) Kedua-dua saksi mestilah manusia. Tidak sah nikah jika kedua-dua saksi itu tergolong dalam jenis jin sekalipun adil.
- h) Mendengar. Akad yang disaksikan oleh saksi pekak atau tidur adalah tidak sah kerana matlamat menjadi saksi tidak tercapai. Orang yang tuli/pekkak tidak sah menjadi saksi, kerana mereka itu tidak mengetahui apa yang dikatakan ketika ijab dan qabul
- i) Melihat.

Orang buta tidak sah menjadi saksi, kerana mereka juga tidak mengetahui orang yang diakad nikahkan dan yang mengakadkan itu.
- j) Faham/mengerti. Dua orang yang menjadi saksi itu mestilah faham dan mengerti bahasa yang digunakan oleh wali dan lelaki itu ketika ijab dan qabul. Jika saksi tersebut tidak faham dan tidak mengerti bahasa yang digunakan dalam ijab/qabul, maka nikah tersebut tidak sah.
- k) Kuat ingatan. Dua orang menjadi saksi itu mestilah kuat ingatannya apa yang didengar dan yang dilihatnya ketika ijab dan qabul, tetapi tidaklah menjadi batal saksinya sekiranya saksi itu ingat akan lafaz akad yang didengarnya itu, kemudian dia lupa.
- l) Mempunyai pekerjaan yang mulia. Ini berpandukan pada masalah setempat.
- m) Sebaik-baiknya kedua-dua orang saksi tidak mengerjakan haji dan umrah Sah perkahwinan yang disaksikan oleh dua saksi yang sedang mengerjakan haji atau umrah. Tetapi seelok-eloknya jangan dijadikan mereka itu sebagai saksi.
- n) Mestilah hadir kedua-dua saksi. Sah nikah jika kedua-dua orang saksi tersebut tidak memberitahu bahawa mereka itu sebagai saksi. Memadailah dengan kehadiran mereka sahaja.

- o) Status dua orang saksi. Sah nikah jika kedua-dua orang saksi merupakan anak pasangan yang berkahwin. Begitu juga jikalau mereka itu merupakan datuk kepada pasangan tersebut. Tetapi tidak sah nikah jikalau mereka itu adalah bapa pada pasangan tersebut kerana bapa merupakan wali isteri yang berkahwin.

Syeikh Daud al-Fatani mengakhiri perbincangan dua saksi ini dengan menyebut kefarduan dua orang saksi merupakan satu fardu kifayah kepada semua orang yang adil. Oleh itu jika tidak dilaksanakan maka berdosalah semua orang.

(3) Rukun ketiga: Wali

Wali mesti wujud dalam perkahwinan seorang perempuan, sama ada perempuan tersebut masih kecil atau sudah baligh, janda atau dara untuk mengendalikan akad perkahwinannya. Seseorang perempuan tidak diharuskan mengahwinkan dirinya sendiri atau mengahwinkan orang lain dengan keizinan wali atau tidak. Syeikh Daud al-Fatani telah mengemukakan dalildalil seperti berikut:

Firman Allah:

٢١٣ ﴿فَلَا تَعْصُّو هُنَّ أَن يَنْكِحُنَّ أَزْوَاجُهُنَّ.....﴾

“Maka jangan kamu enggarkan wahai segala wali akan perempuan yang hendak berkahwin akan suaminya”

Dalilnya ialah hadith daripada Abu Hurairah r.a sabda Rasulullah SAW:

٢١٤) لَا نِكَاحٌ إِلَّا بُوكِيٌّ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ (

“Tiada nikah itu melainkan dengan wali dan dua saksi yang adil”

dan sabda Nabi (SAW) lagi:

٢١٥) لَا تُنْرُوجُ الْمَرْأَةَ وَلَا الْمَرْأَةُ تَنْسَهَا (

²¹³ Sūrah al-Baqarah (1): 232

²¹⁴ Ḥadīth diriwayat oleh ‘Aisyāh. Lihat Ibn al-Daqīq al-‘Abd, no.ḥadīth 2/628, al-Ilmām bi Aḥadīth al-Ahkām.

“Tiada berkahwin perempuan akan perempuan dan tiada perempuan akan dirinya”.

Jika berlaku persetubuhan pada nikah tanpa wali nescaya wajib mahar *mithil* tiada mahar *musammā* dan tiada diwajibkan hukuman hudud keatasnya tetapi dita’zirkan bagi mereka yang berpendapat hukumnya haram.

- Kedudukan Wali Menurut Susunan

Wali-wali dalam perkahwinan adalah mengikut susunan seperti berikut:

1. Bapa
2. Ayah kepada bapa (datuk)
3. Adik beradik lelaki seibu sebapa
4. Adik beradik lelaki sebapa
5. Anak saudara (anak kepada adik-beradik lelaki seibu sebapa).
6. Anak saudara (anak kepada adik-beradik lelaki sebapa).
7. Bapa saudara seibu sebapa (adik-beradik kepada bapa yang seibu sebapa).
8. Bapa saudara sebapa (adik-beradik kepada bapa yang sebapa).
9. Sepupu (anak lelaki kepada bapa saudara yang seibu sebapa)
10. Sepupu (anak lelaki kepada bapa saudara yang sebapa)

- Anak Lelaki Tidak Boleh Menjadi Wali Kepada Ibunya

Anak lelaki dan cucu lelaki tidak oleh menjadi wali kepada ibu atau datuknya. Anak tidak boleh menjadi wali untuk mengahwinikan ibunya kerana kedua-duanya tidak mempunyai perkongsian dalam keturunan. Ini kerana ibu dan anak lelakinya dinasabkan kepada bapa masing-masing, kecuali anak lelaki kepada bapa saudaranya. Oleh itu jika terdapat anak lelaki kepada anak lelaki bapa saudara ibu (cucu saudara ibu), dan tidak ada wali lain yang hampir, dia boleh mengahwinkannya. Demikian juga jikalau anaknya

²¹⁵ Ḥadīth riwayat al-Dāruqutnī daripada Abī Hurairah (r. a) 227. Lihat Muṣṭafa Dib al-Bughā (1986), op.cit, h.162

itu seorang Qadi atau hakim atau pemerintah pada suatu tempat maka ia boleh menjadi wali kepada ibunya.

Syarat Wali

Wali, sama ada bapa ataupun bukan, disyaratkan dengan syarat-syarat berikut:

a) Islam

Para fuqaha telah sepakat bahawa wali yang sah melakukan akad perkahwinan seorang wanita adalah yang merupakan seorang muslim lelaki, baligh berakal. Maka dengan demikian tidak boleh akad pernikahan dilakukan oleh wali yang kafir, seorang wanita mahupun kanak-kanak. Namun para ulamak berbeza pendapat mengenai orang fasik yang menjadi wali. Salah satu kaum berpendapat bahawa orang fasiq dibolehkan menjadi wali. Ini adalah pendapat Mālik dan Abū Ḥanīfah. Ada juga kaum lainnya yang berpendapat orang fasik tidak ada hak menjadi wali dan ini adalah pendapat yang kuat daripada mazhab Shāfi‘iyah.²¹⁶

b) Seorang lelaki

c) Berakal

Orang gila tidak boleh menjadi wali kecuali tempoh gilanya itu sedikit sahaja seperti sehari dalam setahun, maka tidak boleh berpindah wali tersebut kepada yang lebih jauh. Ini kerana dia tidak boleh menguruskan dirinya. Oleh itu, dia tidak boleh menjadi wali kepada orang lain adalah lebih utama.

d) Baligh

Kanak-kanak tidak boleh menjadi wali kerana dia tidak boleh menguruskan dirinya sendiri. Begitu juga seorang yang *mumayyiz*.

e) Merdeka

Tidak sah nikah berwalikan seorang hamba walau apa kategori hamba tersebut.

²¹⁶ Muhammad Bakar Ismail (2008), *al-Fiqh al-Wadhih Fiqah Lengkap*, Selangor: Jasmin Enterprise, h. 45.

f) Tidak mempunyai kecacatan yang boleh menjaskan pandangan Seseorang yang tidak jelas pandangannya disebabkan terlalu tua atau cacat akal tidak boleh menjadi wali kerana tidak mampu memilih pasangan yang sekufu. Jika wali sakit dan pengsan disebabkan sakit, perlu menunggu sehingga dia sedar kerana pengsan yang dihadapi hanya sekejap. Ia umpama tidur.

g) Adil

Maksud adil (tidak fasiq) ialah wali tidak melakukan dosa-dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah. Oleh itu orang fasiq tidak boleh mengahwinkan perempuan yang beriman bahkan hak menjadi wali berpindah kepada wali selepasnya jika dia seorang yang adil.

Sabda Rasulullah SAW :

(لَا نِكَاحٌ إِلَّا بُولِيْ مَرْشِدٍ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ - رواه الشافعي)^{۲۱۷}

Tiada sah nikah itu melainkan dengan wali yang mursyid dan dua saksi yang ‘adil’

Tidak sah perkahwinan yang berwalikan wali fasiq. Ini merupakan pandangan atau pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imām Shāfi‘ī r.a. Dan di antara yang bersepakat demikian ialah Imām Nawawi, Syeikh al-Islām, Syeikh ibn Hajar, Syeikh Ramlī dan Khatīb Syarbīnī. Mereka berpendapat tiada sah nikah berwalikan wali yang fasiq.

Sebahagian besar ulamak-ulamak Mutaakhirin dalam mazhab Shāfi‘ī seperti Imam Al-Ghazālī, Ibn al-Salāh dan pendapat pilihan Imam Nawawi dalam kitab *Raudahnya*, Imam Subkī dan Imam Azraī telah mengeluarkan fatwa bahawa sah wali fasik menjadi wali jika didapati bahawa sekiranya ditinggalkan wali tersebut, maka berpindah pula kuasa wali kepada yang selepasnya yang merupakan seorang yang fasiq

²¹⁷ al-Syāfi‘ī (t.t), *al-Umm*, Beirut, Lebanon: Dār al-Ma’rifah, j. 5, h. 22

juga. Oleh itu, sah nikah itu berwalikan seorang yang fasiq tersebut. Demikian juga sekiranya wali fasiq itu bertaubat, maka boleh dijadikannya sebagai wali.

Untuk menentukan seseorang wali itu bersifat adil atau fasiq adalah memadai dilihat dari segi zahir atau luaran sahaja ataupun memadai wali itu mastur iaitu kefasikannya tidak diketahui kerana untuk menilai kefasikan secara batin adalah susah. Walau bagaimanapun jikalau Sultan atau Raja itu fasiq yang menjadi wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali maka kewalian itu tetap sah kerana kesahihannya diambilkira dari segi keperluan terhadap wali Raja.

Imam Al-Ghazālī dalam kitab *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn* telah mengingatkan bahawa seseorang wali harus memerhati dan meneliti kelakuan geraklaku calon suami, jangan sampai mengahwini saudara perempuan dengan seorang lelaki yang buruk budi pekertinya atau lemah agamanya ataupun yang tidak sekufu dengan kedudukannya. Sekiranya ia mengahwinkan puterinya dengan seorang lelaki yang zalim atau fasik atau yang lemah agamanya atau peminum arak, maka ia telah melanggar perintah agamanya dan ketika itu ia akan terdedah kepada kemurkaan Allah S.W.T, kerana ia telah mencuaikan persoalan silaturrahim dan telah memilih jalan yang salah. Selanjutnya Al-Ghazālī menceritakan seorang ayah telah datang meminta nasihat kepada al-Ḥasan. Katanya: “Telah banyak orang yang datang meminang puteriku, tetapi aku tidak tahu dengan siapa yang harusku kahwinkan dia”. Berkata al-Ḥasan: “Kahwinkan puterimu itu dengan orang yang banyak taqwanya kepada Allah. Andaikata suaminya mencintainya kelak pasti ia akan dimuliakan. Tetapi jika suaminya membencinya maka tiada dianiayainya”.²¹⁸

- Wali itu seorang yang mukhtar (tidak dipaksa)

²¹⁸ al-Ghazālī, (t.t), *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, Kahirah: Maṭba’ah al-Adab., h. 88

- Bukan orang yang berihram

Orang yang sedang berihram haji atau umrah tidak boleh mengahwinkan orang lain.

Syeikh Daud al-Fatani juga telah mebahagikan beberapa situasi di mana wali hakim boleh digunakan.²¹⁹

Pertama: Tidak Ada Wali Nasab.

Bagi pengantin perempuan yang tidak mempunyai wali nasab seperti mereka yang baru memeluk Islam dan tiada saudara-maranya yang memeluk Islam atau perempuan yang tidak mempunyai wali langsung, maka wali hakim yang akan menjadi wali dalam perkahwinannya.

Kedua: Wali Aqrab Menunaikan Haji Atau Umrah.

Syeikh Daud al-Fatani menyatakan jika wali aqrab menunaikan haji atau umrah, maka hak walinya terlucut dan hak wali itu juga tidak berpindah kepada wali *ab'ad* tetapi hak wali itu berpindah kepada wali hakim.

Demikian juga sekiranya wali aqrab itu membuat wakalah wali sebelum membuat hajinya atau umrah atau semasa ihram maka wakalah wali itu tidak sah. Oleh yang demikian, jika seseorang perempuan yang hendak berkahwin, hendaklah menunggu sehingga wali itu pulang dari Mekah atau dengan menggunakan wali hakim.

Ketiga: Wali berada di tempat yang jauh sekadar perjalanan yang mengharuskan qasar sembahyang iaitu kira-kira enam puluh batu dan tidak ada pula wali yang sedarjat dengan wali yang jauh itu di tempat perempuan yang akan dikahwinkan itu, atau wali di

²¹⁹ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb* Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd., h: 16

dalam tahanan dan tidak boleh dihubungi sama sekali, atau wali bersembunyi, atau wali ghaib dan tidak diketahui hidup atau mati atau di mana ia tinggal.

Keempat: Wali Enggan.

Wali enggan mengahwinkannya walaupun wali *mujbir* (bapa atau datuk) sekiranya keengganan itu kurang dari tiga kali, tetapi jika keengganan itu lebih dari tiga kali maka wali yang lebih jauh darinya berhak menjadi wali sebagaimana dalam susunan wali.

Sebagai contoh wali yang enggan menikahkan yaitu : perempuan yang baligh, berakal memohon kepada wali supaya mengahwinkan dengan seorang lelaki yang setaraf dengannya sedangkan wali bapa atau datuk mahukan seorang yang lain yang setaraf juga. Bentuk yang demikian tidaklah dianggap wali itu enggan atau ingkar, kerana wali itu lebih matang daripada perempuan itu dari segi perhatian dan pandangan untuk kepentingan atau kebahagiaan perempuan tersebut.

Para fuqaha sepandapat bahawa wali tidak boleh enggan untuk menikahkan perempuan yang dalam kewaliannya, tidak boleh menyakitinya atau melarangnya berkahwin walhal pilihan perempuan itu memenuhi kehendak syarak.

Oleh yang demikian, perbuatan wali menghalang atau enggan menikahkan wanita tanpa ada alasan syarak adalah dilarang dan dianggap satu tindakan yang zalim kepada wanita itu.

Menurut Jumhur Fuqaha (Shafi'e, Mālikī dan Ḥanbali) apabila wali aqrab enggan menikahkan pengantin perempuan, maka wali hakimlah yang menikahkannya.

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا امْرَأٌ نَكَحْتُ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوَالِيهَا فَنَكَحْهَا بَاطِلٌ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَالْمَهْرُ لَهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا فَإِنْ تَشَاجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ ۖ ۲۲۰

Maksudnya: "Kalau wali-wali itu enggan maka sultan atau hakim menjadi wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali."

Hakim menjadi wali untuk mengahwinkan perempuan yang sudah baligh tetapi gila, sekiranya perlu dikahwinkan dan tidak ada wali yang *mujbar* (bapa atau datuk).

(4) Rukun keempat: Suami²²¹

Syarat bagi lelaki yang akan berkahwin ialah:

a) Berakal

Bapa atau datuk tidak harus mengahwinkan anaknya atau cucunya yang gila serta telah baligh melainkan kerana berhajat kepada nikah seperti ia sangat berkehendak kepada *wati* dengan tanda-tandanya yang jelas kelihatan seperti sentiasa berdamping dengan perempuan atau diharapnya akan sembah atau berkehendak kerana khidmatnya, maka ketika itu harus bagi bapanya mengahwinkan dia, maka jika tiada bapanya, wali tersebut berpindah kepada datuknya seterusnya kepada sultan tetapi sultan disunatkan bermesyuarat dengan walinya yang *aqrab* terlebih dahulu dalam hal tersebut supaya tidak berlaku pertelingkahan atau pertengkaran selepas itu.

b) Baligh

c) Merdeka

Seseorang itu tidak harus berkahwin dengan hambanya kecuali akan berlakunya perzinaan jika ia tidak berkahwin. Begitu juga tiada harus bagi penghulunya itu memaksa hambanya supaya berkahwin dan tiada harus bagi penghulunya mengahwinkan hamba laki-laki yang kecil. Demikian juga tiada harus bagi hamba itu

²²⁰ Hadith diriwayatkan oleh Abu Dawud, *Sunan Abī Dawūd*, bab al-Nikah, no. hadith 2038

²²¹ Syeikh Daud al-Fatani,(t.t), op. cit , h. 17

memaksa penghulunya agar mengahwinkannya dan tiada harus bagi seorang mengahwinkan hamba yang diwakafkan tetapi sultan hukumnya harus mengahwinkan hamba dengan izin *mawqūf alaih*²²²

- d) Bukan seorang lelaki yang safih (tidak terhalang atas kebodoohnya)
- Mereka yang ditegahkan berkahwin kerana kebodoohnya boleh berkahwin dengan mendapat keizinan walinya atau diterimakan baginya walinya dengan izin *mahjūr alaih*²²³ dan jika berkahwin seorang yang *safīh* yang ditegahkan itu dengan tiada izin walinya, maka nikahnya itu terbatal, maka jika berlaku persetubuhan pada nikahnya itu, tiada wajib atasnya suatu dan tiada harus ia berkahwin dengan mahar yang melebihi daripada mahar *mithil*. Jika mahar itu melebihi daripada mahar *mithil* nescaya yang lebih daripada mahar *mithal* dikira lagha. Maka wali telah menntukan perempuan yang tertentu atau perempuan di kampung yang tertentu, maka tiada harus ia berpaling kepada yang lain, maka jika berpaling ia daripada yang ditentukan nescaya perkahwinan tersebut tiada sah. Jika tiada ditentukan perempuannya dan kadar maharnya ditentukan sebanyak seribu, maka dia berkahwin dengan dua ribu dan mahar *mithilnya* lebih daripada seribu, maka akad pernikahan itu rosak kerana wali tiada izin pada yang lebih dan mengembalikan kepada barang yang dituntut oleh wali itu memberi mudarat akan perempuan kerana ia kurang daripada mahar *mithil*.²²⁴ Jika seorang yang *safīh* itu banyak talak yakni tiap kali dia berkahwin ditalaknya, maka dibelikan seorang hamba baginya supaya jangan habis hartanya dan mereka yang ditegahkan sebab *muflis* yakni banyak hutang dan tiada ada baginya harta yang memadai bagi hutangnya, maka Qādī boleh menahan hartanya dan memerintahnya supaya membayar hutang, maka jika hendaklah berkahwin maka sah ia berkahwin dengan sendirinya, tetapi belanja berkahwin itu daripada usahanya, tiada daripada hartanya kerana hartanya itu hak bagi segala pemutangnya. Jikalau hamba itu *mukātab*, *muba’ad* atau *mudabbar*, tiada sah

²²² موقف عليه : mereka yang tertakluk keatasnya atau bergantung kepadanya oleh seseorang. Lihat *al-Mawrid*(1996), op. cit, h. 970

²²³ محجور عليه : yakni bawah penjagaan. Lihat : *al-Mawrid*(1996), op.cit, h. 987

²²⁴ al-Anṣārī (al), al-Syāikh Abī Yaḥyā Zakariya (t.t) op.cit, h. 37

ia berkahwin dengan tiada izin penghulunya, maka jika berkahwin ia maka nikahnya itu batal, dan jika berkahwin dengan izin penghulunya *sahīh* dan isi kahwinnya dan nafkahnya daripada usahanya yang hasil kemudian daripada nikahnya, maka jika ada usaha itu diizinkan pada berniaga, maka diambil bagi keduanya itu harta perniagaannya daripada laba dan kepada hartanya. Tiada harus pula dinikah seorang lelaki yang *safīh* itu dengan perempuan yang ada ‘aibnya yang *thabit khiyār* sebagaiman syarat yang sebelum ini, seperti seorang yang buta, seorang yang sangat tua dan seorang yang terpotong anggotanya. Akan tetapi harus bagi wali itu mengahwinkan anaknya yang belum baligh itu yang tiada kufunya kerana sifat laki-laki itu tiada malu seperti tidurannya dengan mereka itu yang tiada kufu dengannya berlainan halnya dengan perempuan.

- e) Tidak dipaksa kahwin
- f) Bukan *mahram* kepada perempuan yang ingin dikahwinkan.

Seorang suami disyaratkan mengetahui akan perempuan yang halal baginya sebelum akad nikah, maka jika ia berkahwin akan seorang perempuan yang tiada diketahuinya sama ada beriidah kah atau tiada, adakah perempuan itu saudaranya atau perempuan yang asing (*ajnabi*), maka tiada sah ia berkahwin dengan dia, maka iaitu tiada idahnya atau orang *ajnabi* sekalipun. Berlainan halnya jikalau bercampur perempuan yang mahramnya dengan beberapa perempuan yang ramai di dalam dusun yang besar yang tiada *mahṣūr* (yakni) tiada terhingga bilangannya iaitu yang lebih daripada seratus, maka ia berkahwin padanya hingga sampai kepada *mahṣur*, maka tiada harus kerana bahawasanya jikalau ditegahkan berkahwin nescaya tertutup pintu nikah kerana tiada sunyi daripada musafir kepada suatu negeri ada saudaranya sebab tiada sentosa daripada pergi maḥramnya kepada negeri itu bersalahan jika ada negeri itu *mahṣur* seperti dua puluh (tetapi) seratus dinamakan *mahṣur*, maka tiada harus ia berkahwin padanya melainkan jika ia ingatkan sifat maḥramnya seperti hitam umpamanya, maka haruslah ia

berkahwin dengan perempuan yang putih atau merah kulitnya. Jika kesamaran isterinya dengan beberapa perempuan asing, maka tiada harus ia *wati* seorang daripadanya sama sekali. Jika seseorang itu mempunyai dua orang anak perempuan, yang satu mahramnya disebabkan penyusuan, maka berkata bapanya: “Aku kahwinkan dikau anakku si anu” dan suami tiada mengetahuinya adakah yang mahramnya atau perempuan yang ajnabi berkahwin dengan dia, maka tiada sah kahwinnya dan jika berkata ia: “Aku kahwinkan dikau perempuan yang halal bagimu” sekalipun tiada sah kahwinnya itu.

g) Seorang Islam

Disyaratkan lelaki itu seorang Islam jika perempuan yang dinikahinya itu Muslimah

h) Tidak berada dalam ihram atau umrah

Disyaratkan pula tidak berada dalam *ihrām* dengan haji atau umrah dengan kehendaknya, maka jikalau digagahi atas qabul nikah dengan tiada sebenarnya, maka tiada sah nikahnya itu. Apabila cukup syarat-syarat tersebut, maka harus atas lelaki itu menerima perkahwinan untuk dirinya sendiri atau dia mewakilkan seseorang untuk menerima perkahwinan tersebut bagi dirinya. Wali itu tidak harus mengahwinkan anaknya dengan mahar yang lebih daripada mahar *mithil* jika dengan harta anaknya dan jika dengan harta walinya tiada disyaratkan yang demikian itu. Dan selain daripada bapanya dan datuknya tidak harus mengahwinkan dia. Seorang perempuan yang suaminya ghaib dan putus khabar berita kehilangannya, maka tiada harus bagi seorang bahawa mengahwinkan perempuan tersebut sehingga kematian suaminya diketahui dengan yakin atau hakim telah menghukumkan atas kematianya, maka isteri tersebut kenalah beriddah iddat wafat sebelum berkahwin dengan orang lain. Syeikh Daud al-Fatani mengakhiri perbincangan mengenai calon suami dengan mengemukakan satu tajuk mengenai kewajipan anak memelihara bapanya daripada perbuatan zina dengan mengahwinkannya dengan perempuan yang sepatut dengannya.

Oleh itu menjadi satu kewajipan atas anak mengahwinkan bapanya atau datuknya dengan memberi maskahwin orang merdeka. Atau ia menyuruh bapanya berkahwin Begitu juga wajib keatas anak memberi belanja dan pakaianya kepada kedua-duanya (bapa dan datuknya). Jika ia meninggal dunia, maka wajib atasnya menggantikan atau fasakhnya dengan aib atau lainnya. Seseorang bapa haram menyetubuhi hamba anaknya. Jika ia bersetubuh dengan hamba anaknya, maka diwajibkan keatasnya maskahwinnya dan tiada dikenakan had hudud keatasnya kerana syubhah dan jika hamba itu hamil, maka anaknya itu menjadi merdeka dan hamba tadi akan menjadi mak tiri anaknya dan wajib diatas bapanya itu membayar harga hamba tersebut kepada anaknya berserta maskahwin, tiada harga anaknya. Seseorang bapa haram berkahwin dengan hamba anaknya. Begitu juga seorang tidak harus berkahwin dengan hamba *mukatab*

Rukun kelima: Isteri²²⁵

Menurut Syeikh Daud al-Fatani disunatkan bagi seorang perempuan yang hendak berkahwin kerana sebab-sebab yang berikut:

- a) Takut dianiayai oleh orang fajir (jahat)
- b) Ia berhajat kepada nafkah
- c) Dapat memenuhi tuntutan kewajipan sebagai seorang isteri
- d) Berkehendak kepada kelebihan ibadat.

Jika perkara di atas tidak dapat dilaksanakan maka makruh baginya berkahwin.

Terkadang hukumnya menjadi wajib jika ia mengetahui bahawa dirinya tidak aman daripada orang yang fajir kecuali dengan berkahwin.

²²⁵ *Ibid*, h. 14

Syeikh Daud membahagikan perempuan itu kepada dua bahagian iaitu:²²⁶

- a) Janda. Seorang wali tidak harus memaksanya berkahwin melainkan setelah dia baligh dan mendapat keizinan daripadanya dengan lafaz yang nyata.
- b) *Bikr* (anak dara). Wali boleh memaksanya berkahwin dengan syarat pasangan suaminya setaraf atau sekufu dengannya dan mas kahwinnya mestilah mahar *mithil* dan menggunakan matawang negeri tersebut.

Syarat bakal isteri

Perempuan yang akan berkahwin disyaratkan beberapa perkara untuk menjadikan sesuatu perkahwinan itu sah. Syarat-syarat tersebut ialah:

- a) Bukan berihram haji atau umrah
- b) Perempuan yang ditentukan (*Mu'aayan*)
- c) Tidak beriddah dengan mana jenis iddah.
- d) Dengan rela hatinya bukan dipaksa-paksa kecuali bakal isteri itu masih gadis maka bapa atau datuk (bapa kepada bapa) boleh memaksanya berkahwin.

Hukum seorang perempuan yang masih kecil atau anak dara

Jikalau perempuan itu masih kecil serta anak dara, bapanya atau datuknya boleh mengahwinkannya dengan ketiadaan izinnya sama ada ia baligh ataupun tidak.

Dan disyaratkan sah paksaan itu dengan tiga syarat iaitu:

- (i) Kufu' diantara anak gadisnya dengan calon suaminya

Tiada boleh dikahwinkan dengan laki-laki yang sangat tua, buta, dan bukan laki-laki yang wajib ke atasnya haji,

- (ii) Calon suami itu mampu memberi mahar *mithil*

²²⁶Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Sullam al-Mubtadin Fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadin*, Thailand, Fatani: Matba'ah Ibn Halabi, h. 28

Jika perkahwinan itu berlaku dengan maharnya kurang daripada mahar *mithil*, maka mahar *musammā* terbatal dan pernikahan tersebut dianggap tidak batal. Namun begitu pada ketika itu mahar *mithil* diwajibkan keatas suami.

- (iii) Tidak ada permusuhan antara wali *mujbir* dengan anak gadisnya tentang calon suaminya.

Oleh itu jika terdapat perkara-perkara di atas, maka wali boleh memaksa anaknya berkahwin. Jika segala syarat-syarat ini tidak diperolehi, maka pernikahan tersebut itu tidak sah jika ada kurang satu daripada tiga syarat yang disebutkan tadi .

Bagi mazhab Shāfi’ī, telah bersepakat bahawa hukum seorang penjaga (wali *mujbir*) meminta kebenaran untuk mengahwinkan anak perempuan/ anak dara yang telah akil baligh adalah sunat. Sekiranya tidak diminta izin tersebut, ia tidaklah menjadikan perkahwinan yang dibuat tidak sah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لَا تنكح الأم حتى تستأمر، ولا تنكح البكر حتى تستأذن، قالوا يا رسول الله
وكيف إذا؟ قال أَن تسكت.

Maksudnya: “*Janda tidak boleh dikahwinkan melainkan setelah diminta keputusannya. Anak dara pula tidak boleh dikahwinkan melainkan setelah diminta izinnya,*” Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, bagaimanakah keizinannya?” Baginda menjawab: “Dengan dia diam.”²²⁷

Di dalam kitab *Minhāj al-Tālibīn* telah diringkaskan pandangan Imam Shāfi’ī berhubung perkara ini yang mana rumusannya mengatakan bahawa bapa adalah berhak ke atas anak daranya.²²⁸ Walaupun secara teorinya hak seorang bapa untuk mengahwinkan anak perempuannya tanpa diminta keizinannya adalah mutlak, namun terdapat syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk menjalankan kuasa tersebut.

²²⁷ Hadith diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab nikah, bab meminta izin janda secara lisan dan dara secara berdiam untuk dinikahkan,no. hadis 1419 dan lihat juga Tirmidhi dalam kitab nikah, bab hadith tentang meminta keizinan janda dan dara, no. hadith 2107

²²⁸ al-Nawawi (2010), *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*, Kaherah: Dār al-Taufiqiyah Li al-Thurāth., h. 259

Di dalam mazhab Shāfi’ī, seorang penjaga disyaratkan seorang lelaki Islam, dewasa dan tidak gila serta hendaklah berlaku adil. Seorang penjaga juga tidak boleh mengahwinkan seseorang perempuan dengan lelaki yang lebih rendah kedudukan dari perempuan itu sendiri, melainkan mendapat persetujuan penuh darinya.

Imam Nawawi di dalam *Minhāj al-Tālibīn* menerangkan bahawa menurut kebanyakan ulamak di mana seorang bapa mengahwinkan anak perempuan daranya, sama ada masih di bawah umur atau sudah dewasa dengan seorang lelaki yang berkedudukan lebih rendah tanpa persetujuan daripadanya maka perkahwinan tersebut adalah tidak sah.²²⁹

Di dalam kitab *Al-Umm*, Imam Shāfi’ī merujuk kepada hujah bahawa doktrin *kafāah* adalah bertujuan untuk melindungi perempuan daripada berkontrak dalam suatu perkahwinan yang tidak sah tetapi tidak menyukainya. Pendapat ini menyatakan bahawa ketiadaan persamaan tidak mengesahkan sesuatu perkahwinan melainkan perkahwinan itu diakadkan dengan persetujuan perempuan itu dan juga kesemua penjaganya.

Menurutnya, tidak patut bagi seseorang memaksa perempuan untuk menikah kecuali dengan izinnya. Sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi Muhammad SAW, bahawa apabila perempuan itu menolak, maka tidak boleh ada pemaksaan dalam suatu pernikahan. Baik ayah maupun abang tidak ada hak apapun terhadap perempuan, baik perempuan dewasa yang masih gadis maupun janda yang sudah dewasa. Untuk itulah bagi ayah dan abang dianjurkan untuk meminta izinnya terlebih dahulu apabila hendak menikahkan.

²²⁹ *Ibid.*, h. 260

Meminta izin anak dara adalah digalakkan

Bapa dan datuk boleh memaksa anak perempuannya berkahwin tetapi tindakan tidak mendapat pendapatnya bukanlah suatu tindakan yang afdal. Yang lebih baik dan sunat ialah wali meminta izin untuk mengahwinkannya, menghormati serta menyenangkan hatinya.

Takrif *Thayyib* (Janda)

Syeikh Daud al-Fatani mentakrifkan janda sebagai seorang perempuan yang telah dijimak pada qubulnya jikalau dengan zina sekalipun atau ia tidur atau dipaksa/diperkosa jikalau daripada zakar binatang sekalipun.

Berlainan halnya jika dijimak pada duburnya atau ketiadaan dara itu berlaku disebabkan keguguran atau keras haid atau memasukkan suatu yang lain daripada zakar seperti anak jarinya, maka dihukumkan segala perkara itu anak dara juga.

Hukum jika seorang perempuan itu masih kecil atau anak dara

Sekiranya seorang perempuan itu masih kecil dan janda, maka memadailah diam itu sebagai izinnya, bahkan jika memberi tanda ada diamnya itu akan enggannya seperti berteriak atau menangis atau memukul pipi atau lainnya tiadalah diamnya jadi izinnya.

Hukum jika seorang perempuan yang masih kecil tetapi sudah menjadi janda

Di dalam Islam, jika seorang perempuan dilamar maka hanya dirinya yang berhak untuk menerima atau menolak lamaran atau pernikahan tersebut. Tidak seorang pun dari wali-walinya ataupun selain mereka, yang berhak menikahkan wanita itu tanpa izinnya, sebagaimana tidak berhak walinya atau siapa pun untuk menghalangnya dari berkahwin.

Jika seorang perempuan itu masih kecil, tetapi sudah menjadi janda serta berakal, seorang itu tidak boleh mengahwinkannya sama ada bapanya atau datuknya melainkan

setelah perempuan itu mencapai umur balighnya dan mendapat keizinannya itu dengan katanya yang nyata dan jelas.

Hukum jika seorang perempuan yang masih kecil tetapi sudah menjadi janda serta gila
Sekiranya seorang perempuan itu masih kecil, tetapi sudah menjadi janda serta gila, maka bapanya atau datuknya boleh mengahwinkannya, tidak boleh mereka yang selainnya (wali hakim dan wali *ab'ad*).

Sekiranya seorang perempuan itu sudah baligh, tetapi sudah menjadi janda serta gila maka bapa dan hakim boleh mengahwinkan dia, tiada yang selainnya. Namun begitu hakim tidak boleh mengahwinkan melainkan dengan syarat yang jelas dan nyata bahawa perempuan itu berhajat kepada nikah. Berlainan hukumnya dengan bapa dan datuknya bahawa tidak disyaratkan demikian.

Penentuan had umur baligh seorang perempuan

Had umur baligh seorang perempuan itu dapat ditentukan dengan sampai umurnya lima belas tahun *qamariyyah* dan ada kalanya dengan *ihtilām* (bermimpi) jikalau tiada sampai umurnya sekalipun. Sekurang-kurang masa *ihtilām* itu sembilan tahun genap masuk kepada sepuluh. Kedua-dua tanda ini ada pada pihak lelaki dan perempuan manakala ditambahkan tanda kedatang haid dan beranak pada pihak perempuan sahaja.²³⁰

Penentuan baligh disebabkan beranak itu ialah enam bulan dua saat sebelum daripada beranaknya dan tumbuh janggut, misai atau bulu ari-arinya tidak dijadikan penentuan baligh seseorang. Namun begitu seorang yang kafir ditentukan balighnya

²³⁰ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *Bughyah al-Tullāb Li Murīd Ma'rifah al-Ahkām Bi al-Šawāb*, Pulau Pinang: Percetakan Al Muarif Sdn. Bhd, h .76

dengan tumbuh bulu ari-ari kerana kesukaran menentukannya tetapi penentuan ini tidak boleh dipakai kepada anak orang Islam.

Dr. Wahbah al-Zuhaily di dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islām* mencatatkan tanda-tanda baligh ada lima iaitu:²³¹

1. Mimpi (keluar mani): bagi anak lelaki dan perempuan.
2. Tumbuh bulu : bagi anak lelaki dan perempuan.
3. Datang haid : bagi anak perempuan (kebiasaannya 9 tahun)
4. Boleh mengandung : bagi anak perempuan (kebiasaannya 9 tahun)
5. Cukup umur 15 tahun (kebiasaan anak lelaki)

Hukum seorang perempuan yang menjadi hamba yang bukan *muba’ad* atau *mukātab*

Penghulu atau tuan sahaya yang bukan *muba’ad* atau *mukātab* boleh mengahwinkan hambanya itu sama ada hambanya itu masih kecil ataupun besar, anak dara atau janda berakal atau gila, mak tiri atau hamba *mudabbar* dan mendapat keizinannya atau tidak. Sekiranya hamba itu menuntut kepada penghulunya atau tuannya supaya mengahwinkan dia, tiada wajib tuannya memperkenankan permintaan hamba tersebut. Tetapi disunatkan penghulunya mengahwinkan dia kerana memeliharakan daripada terjerumus ke dalam sesuatu yang tak sepatutnya berlaku seperti perzinaan dan sebagainya. Begitu juga, penghulu itu boleh mengahwinkan hambanya yang perempuan kepada seorang lelaki yang kurang binasanya dan yang tiada kufu untuk hamba tersebut. Namun begitu tiada boleh dinikahkan dengan seorang yang telah terpotong zakarnya atau seorang yang gila dengan tiada keredaan hambanya.

²³¹ Zuhaylī Wahbah Dr al-(1997), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adilatuhu*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 6503

Jenis-jenis hamba dan walinya

a) Hamba kepunyaan anak

Wali al-māl iaitu bapa dan datuk seseorang boleh mengahwinkan hamba kepunyaan anaknya yang masih kecil atau hamba kepunyaan anak perempuan yang masih kecil dan anak yang *safīh*. Demikian juga hukum hakim seperti bapanya. Namun begitu bapa atau datuknya tiada boleh mengahwinkan hamba anaknya yang kecil serta *thayyib* kerana kedua-duanya (bapa atau datuknya) itu tiada boleh mengahwinkan anaknya, maka tiada boleh pula mengahwinkan hamba anaknya itu.

b) Hamba kepunyaan seorang yang safih

Jika seorang hamba itu kepunyaan seorang yang *safīh*, maka tiada boleh wali *safīh* itu mengahwinkan hamba tersebut melainkan dengan izin si safih itu.

c) Hamba kepunyaan seorang perempuan yang *bālighah*

Sekiranya hamba itu kepunyaan seorang perempuan yang *bālighah*, maka orang yang berhak mengahwinkan hamba itu ialah orang yang mengahwinkan penghulunya dengan syarat mendapat keizinan penghulunya terlebih dahulu.

d) Hamba setengahnya hamba dan setengahnya merdeka

Sekiranya hamba itu itu setengahnya hamba dan setengahnya merdeka, maka mengahwinkan penghulunya serta walinya. Maka jika walinya tiada, maka orang yang memerdekaan dia, jika orang yang merdekaan dia tiada, maka *asabahnya*, maka hakim tak dapat tiada berhimpun dua, maka sah nikahnya dan jika tiada berhimpun, maka tiada sah nikahnya tiada hamba yang melukakan orang yang bergantung dengan *raqabahnya* harta tiada boleh dikahwinkan dengan tiada izin *majni alaih* yang

dilukakannya jika ada penghulunya itu papa. Maka jika ada penghulunya itu kaya boleh dikahwinkan dia.

e) Hamba yang diwakafkan

Sekiranya seorang hamba itu telah diwakafkan kepada seseorang, maka adalah yang mengahwinkan dia itu ialah hakim dengan keizinan orang yang diwakafkan atasnya.

f) Hamba yang diwasiatkan

Sekiranya hamba itu yang diwasiatkan manfaatnya bagi seseorang, maka yang mengahwinkan dia itu ialah warisnya.

g) Hamba bersekutu

Sekiranya hamba itu bersekutu, maka yang mengahwinkan dia itu kedua penghulunya.

Sekiranya seorang perempuan itu dipungut, maka yang mengahwinkan dia itu ialah hakim.

h) Hamba sebagai harta qarad

Sekiranya hamba itu itu harta *qarad*²³², orang yang mengahwinkan dia itu ialah pemilik harta dan tiada bekehendak kepada izin amil yakni yang berniaga.

Dan tiada boleh bagi yang menggadai itu mengahwinkan hamba yang digadaikan dengan tiada izin orang yang digadaikan.

i) Hamba yang dijimak oleh penghulunya

Sekiranya hamba itu dijimak oleh penghulunya, maka tak dapat tiada kemudian daripada *istibra*'nya²³³

²³² Yakni gadaian

²³³ Yakni tempoh pantang bersetubuh bagi wanita tawanan perang yang bukan Islam untuk menyucikan rahimnya daripada bercampur aduk air mani. Lihat Kamus Dewan (2010), op. cit, h. 591

j) Mak tirinya atau gundiknya dimerdekakan oleh penghulunya

Sekiranya mak tirinya atau gundiknya dimerdekakan oleh penghulunya, setelah itu penghulunya hendak berkahwin dengan dia, maka tiada wajib *istibrā'* atasnya kerana tiada takut padanya bercampur dua mani sebab empunyanya itu seorang jua.

Disyaratkan juga bagi seorang perempuan yang hendak dikahwini itu:

- 1) Disyaratkan perempuan itu bukan berihram dengan haji atau umrah.
- 2) Disyaratkan perempuan itu bukan yang sudah *berlī'ān* dengan dia bersumpah dengan dia seperti yang lagi akan datang pada tempatnya
- 3) Disyaratkan perempuan itu bukan seorang *mājusiyah* atau *wasaniyyah* yang menyembah berhala atau murtad dan sekalian bagi kafir
- 4) Disyaratkan perempuan itu bukan mahramnya sebab nasabnya, susuan atau persemedaan

3.3.2 Konsep *Kafāah*

(a) Definisi Kufu

Kufu adalah bahasa Arab, ertinya setaraf.²³⁴ Dalam perkahwinan sangat dititikberatkan soal setaraf, kalau tidak setaraf sianak boleh membantah perkahwinan itu. Oleh itu Islam tidak galakkan umatnya berkahwin dengan tidak kufu. Pengertian kufu atau staraf ini amat luas bukan tertumpu kepada keturunan saja. Ada kufu dalam keturunan, ada kufu dalam jawatan kerja, ada kufu dalam agama dan ada kufu dalam kedudukan. *Kafāah* pada istilah fuqaha ialah setara di antara suami dan isteri demi untuk mengelak keaiban pada beberapa perkara yang tertentu iaitu di segi mazhab Maliki ialah agama dan hal keadaan (yakni selamat dari keaiban-keaiban yang

²³⁴ Kufu ertinya setaraf. Ia dimaksudkan kepada setaraf dalam perkahwinan. Kufu ini tidak menjadi syarat dalam perkahwinan tetapi jika perkahwinan itu tidak mendapat persetujuan pasangan yang berkenaan, maka boleh tuntut fasakh dengan alasan tak kufu. Kufu yang diakui hanya dari segi agama, taraf keluarga, kekayaan dan sebagainya. Lihat Kamus Pengetahuan Islam, h. 189.

membolehkan pihak perempuan *khiyār* dan di sisi jumhur ialah agama, keturunan, kemerdekaan, dan pekerjaan (kerjaya), ulamak Hanafi dan Hanbali menambah dengan harta.²³⁵

(b) Pembahagian Kufu

Menurut Syeikh Daud kufu itu dibahagikan kepada lima perkara iaitu:²³⁶

(i) Bangsa

Seorang lelaki yang berbangsa selain Arab dikira tidak kufu dengan perempuan yang berbangsa Arab. Begitu juga seorang bukan berbangsa Quraisy tidak sekufu dengan perempuan yang berbangsa Quraisy.

(ii) Agama

Islam meletakkan kufu kepada agama sebagai penilaian yang paling utama. Seorang yang kuat agamanya eloklah berkahwin dengan seseorang yang kuat beragama juga. Itulah kufu. Kemiskinan atau kekayaan tidak dijadikan ukuran. Tetapi kalau lelaki miskin hendak berkahwin dengan perempuan yang kaya sedangkan diantara keduanya tiada agama mereka dianggap tidak kufu. Kefasikan itu tiada kufu dengan perempuan yang solehah. Mereka yang baru memeluk Islam itu tiada kufu bagi perempuan yang sudah lama Islamnya. Begitu juga mereka yang Islam sendirinya tiada kufu dengan perempuan yang Islam ibu bapanya dan mereka yang Islam seorang bapanya tiada kufu dengan perempuan Islam dua ibu bapanya dan orang yang *bid'ah* itu tiada kufu dengan perempuan yang *suniyyah*. maka yang [lelaki] *arabi* lagi fasiq itu tiada kufu bagi perempuan yang ‘*ajamiyyah* dan dan [lelaki]

²³⁵ Wahbah al-Zuhaili (2001) *Fiqh & Perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, J:VII, h: 306.

²³⁶ Syeikh Daud (t.t), *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Šawāb* , Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd , h. 17

sahaya yang soleh itu tiada kufu dengan perempuan yang merdeka yang *fāsiqah*.

(iii) Pekerjaan

Demikian juga laki-laki yang hina tiada kufu bagi seorang perempuan yang lebih baik daripadanya. Seorang lelaki yang bekerja sebagai penyapu sampah, pengawal, tukang mandi orang, pengembala binatang, penyamak kulit, penjual ikan dan tukang unta, penjual daging, bertenun itu tiada kufu bagi perempuan yang anak penjahit kain, anak orang yang petani. Begitu juga seorang lelaki yang menjahit itu tiada kufu dengan perempuan yang anak saudagar dan anak orang yang berjual kain dan saudagar tiada kufu dengan perempuan yang anak Qādī atau anak orang alim. Mengikut pandangan Imam al-Nawawi dalam kitab *Raudah* nya bahawa hendaklah pada segala perkara yang tersebut itu diambil kira dengan adat negeri itu pada segala pekerjaannya kerana bahwasanya orang yang berhuma pada setengah negeri terlebih mulia daripada orang yang bermiaga dan setengah negeri yang bermiaga itu terlebih mulia daripada yang berhuma. Maka perkara ini perlu dilihat mengikut kriteria dan keutamaan adat sesebuah negeri tersebut. Kekayaan dan kemiskinan seseorang tidak diambil kira dalam penentuan kufu ini. Justeru itu seorang lelaki yang papa itu kufu dengan seorang perempuan yang kaya kerana harta kekayaan itu boleh pergi dan datang seperti bayang-bayang yang hilang. Syeikh Ibn Hajar berpendapat bahawa segala keaiban yang tiada *thabit* baginya *khiyār*, maka tiada memberi kesan kepada kufunya. Sebagai contohnya seorang yang buta, seorang yang kakinya kudung, seorang yang buruk rupa parasnya, seorang yang tua masih kufu bagi seorang perempuan yang sentosa daripada

perkara yang tersebut. Namun begitu kalaualah perkara tersebut dapat dipelihara ia lebih baik dan diutamakan.²³⁷

(iv) Merdeka

Hamba bagi seseorang itu sama ada ia *muba'ad* atau *mukātab* atau *mudabbar*, tiada kufu bagi seorang perempuan yang telah merdeka. Begitu juga hamba yang dimerdekakan tiada kufu dengan perempuan yang merdeka asal. Lelaki merdeka yang *ajami* itu, tiada kufu dengan perempuan sahaya yang '*arabiyyah*

(v) Ketiadaan aib yang boleh *khiyār*

Seseorang yang tiada sejahtera daripada aib itu tiada kufu dengan perempuan yang sejahtera daripada aib. Keaiban itu ialah gila dan *syafaq*²³⁸ dan *judhām*²³⁹. Ketiga-tiga keaiban ini ada pada pihak lelaki dan pihak perempuan. Keaiban yang khusus untuk lelaki sahaja adalah: *ajbūb* yakni tiada zakarnya dan '*Innīn*' iaitu lemah zakarnya. Manakala keaiban yang ada pada perempuan ialah *Ratqā'* yang bersimpul farajnya dengan daging, dan *Qarnā'* iaitu yang bersimpul farajnya dengan tulang. Oleh itu, jikalau ketujuh-tujuh keaiban di atas ada pada kedua-dua belah pihak suami dan isteri, maka boleh difasakhkan nikahnya.

Sebenarnya tujuan kufu ini disyaratkan dalam perkahwinan adalah untuk menjamin terjalannya hubungan suami isteri agar terus baik. Apabila tidak kufu, nanti akan timbul perkara yang tidak diingini bangkit. Persamaan

²³⁷ Syeikh Ibn Hajar al-Haytami (t.t), *op. cit.* , h. 346

²³⁸ Yakni sejenis penyakit keputihan pada kulit yang mencorakkan kulit dan melambatkan pengaliran darah

²³⁹ جدأ : yakni penyakit yang menyebabkan kulit menjadi kemerahan kemudian bertukar menjadi kehitaman. Mustafā Dib al-Bughā (1986), *al-Taḥzīb fi adillah Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb al-Masyhūr bi Matan Abī Syujā' fī al-Fiqh al-Syāfi'ī*; Beirut : Dār Ibn Khathir., h.166

kedudukan suami dan isteri akan membawa ke arah rumahtangga yang sejahtera, terhindar daripada perkara-perkara yang tidak elok.

3.3.3 Mahar

Mahar ialah pemberian yang wajib diberikan oleh lelaki kepada perempuan yang bakal menjadi isterinya. Ia juga disebut sebagai mas kahwin. Hukumnya adalah wajib. Jumlah mahar yang wajib dibayar akan ditentukan oleh walinya jika perempuan itu masih kecil, tetapi sudah baligh atau janda boleh ditentukan oleh perempuan itu sendiri. Mahar boleh dibayar dengan pelbagai cara yang mempunyai nilai atau faedah tertentu berdasarkan persetujuan bersama seperti rumah, kebun, mengajar atau membaca al-Qur'an, mengajar ilmu agama, senaskah kitab al-Qur'an, sejадah sembahyang, pakaian sembahyang atau sebagainya. Malah ia boleh dibayar secara tunai, bertangguh atau ber hutang. Jika mahar ber hutang, suami wajib membayarnya setelah melakukan persetubuhan atau persetubuhan secara syubhah atau salah seorang mati. Jika suaminya mati, waris suami wajib membayarnya kepada ahli waris isterinya. Jika diceraikan sebelum bersetubuh, hutang mahar wajib dibayar separuh daripada nilainya kepada bekas isterinya, jika sudah dibayar tetapi belum bersetubuh, maka isteri wajib memulangkan separuh daripadanya. Jika isteri meminta fasakh, mereka belum bersetubuh dan mahar masih ber hutang, suaminya tidak wajib membayarnya. Jika sudah dibayar, bekas isteri wajib memulangkan kesemua jumlah mahar tersebut.

Syeikh Daud juga membahagikan mahar atau maskahwin itu kepada dua bahagian iaitu:²⁴⁰

²⁴⁰ Ibid, h.7

- (a) Mahar *mithil* : mahar yang dinilai berdasarkan mahar saudara perempuan yang telah berkahwin sebelumnya
- (b) Mahar *musamma*: mahar yang dinilai berdasarkan keadaan, kedudukan, atau ditentukan oleh perempuan atau walinya.

3.3.4 *Khiyār* dalam perkahwinan

Khiyār bermaksud salah satu pihak sama ada suami atau isteri mempunyai hak untuk memilih di antara diteruskan nikahnya atau fasakh. Apabila berlaku pernikahan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang tidak diketahui ada cacat celanya, maka bolehlah kedua belah pihak atau salah satu daripadanya *khiyār*.

Menurut Syeikh Daud al-Fatani seseorang lelaki boleh menuntut *khiyār* dalam lima perkara iaitu gila, *judhām* (penyakit kusta), *barash* (penyakit sopak), zakar yang terpotong semua sekali atau separuh, dan '*Unnah* (mati pucuk). Manakala bagi perempuan yang membolehkan *khiyār* padanya ada lima perkara iaitu gila, *jazam* (penyakit kusta), *baras* (penyakit sopak), *rutaqa'* (faraj yang tersumbat dengan daging dan menghalang dari persetubuhan) dan *Quranā* (faraj yang tersumbat dengan tulang dan menghalang dari persetubuhan). Jika berlaku salah satu daripada cacat cela ini, maka bolehlah kedua belah pihak atau salah satu daripadanya *khiyār*, fasakh akad nikah seberapa segera dengan syarat dilakukan *khiyār* dihadapan Qadi.

Jikalau salah seorang daripada pasangan suami isteri itu merupakan seorang pondan (*khunsa*) yang *wādiḥ*, tiada *khiyār* baginya. Begitu juga jikalau keaiban suami itu berlaku selepas daripada akad, maka si isteri boleh meminta *khiyār* kecuali zakar si suami mati selepas daripada bersetubuh. Demikian juga jikalau keaiban itu berlaku pada isteri, maka suami boleh menuntut *khiyār* tetapi *khiyār* itu tidak dibenarkan dengan

sebab aib yang baru datang bagi suaminya selepas akad.²⁴¹ Begitu juga seorang wali tidak boleh menuntut *khiyār* sekiranya keaiban suami itu datang berserta dengan akad seperti terpotong zakarnya atau mati zakarnya. Tetapi jika berserta akad itu berlaku gila, wali itu boleh menuntut *khiyār* sekalipun perempuan itu redha dengan gila si suami. Begitu juga dengan *judhām* dan *baras* wali boleh meminta *khiyār*.

Masa *khiyār*

Khiyār di sini wajib disegerakan dengan mengemukakan permohonan *khiyār* itu kepada hakim melainkan kerana perkara-perkara yang tak dapat dielakkan seperti makan minum, qada hajat, waktu malam dimaafkan ta'khir kepada sebab perkara itu.

Beberapa Masalah Yang Boleh Dituntut *khiyār*

- a) Syarat *khiyār* dengan *fasakh* nikah itu dahulu daripada *dukhūl* mengugurkan isi kahwinnya dan kemudian daripada *dukhūl* itu wajib mahar *mithil* jika *fasakh* dengan ‘aib yang berserta dengan akad atau dengan ‘aib yang kedatangan antara akad dan jahil ia akan ‘aibnya dan wajib mahar *musammā* jika kedatangan ‘aib itu kemudian daripada *wati*.²⁴²
- b) *Khiyār* pada masalah zakar yang lemah itu mestilah diangkat kepada hakim.
- c) Segala keaiban yang tersebut mestilah diangkat kepada hakim, tidak boleh ia membuat pilihannya sendiri. *'Unnah* (mati pucuk) tidak dinafikan melainkan pengakuan dari suami sendiri di hadapan Qadi atau dengan saksi yang menyaksikan ikrarnya atau dengan sumpah isteri jika suaminya enggan membuat pengakuan, maka ditetapkan bahawa ia mati pucuk, selepas itu Qadi memberi tempoh setahun kepada suami supaya berubat. Apabila sudah setahun tempohnya jika ia tidak

²⁴¹ Al-Nawawi (2010) *op.cit*, h. 269

²⁴² Al- Nawawi, (2010), *op.cit.*, h. 269

mampu menyebutuhinya isterinya maka isteri mengadu kepada Qadi, maka diterima fasakhnya.²⁴³

- d) Jika perempuan itu mengasingkan dirinya atau dia dipenjara atau ia jatuh sakit, maka tiada dikirakan masa setahun itu, jika ada perempuan itu bersifat dengan perkara itu dan jika reda perempuan itu dengan ‘aib ‘unnah²⁴⁴nya, maka batallah haknya daripada fasakh dan jika berkahwin seorang laki-laki dengan syarat bahawa adalah perempuan itu Islam atau ia mempunyai bangsa atau ada ia merdeka maka menyalahi syaratnya itu, maka sah nikahnya jika nyata terlebih baik daripada syarat itu, maka tiada *khiyār* baginya dan jika nyata kurang syarat, maka boleh bagi perempuan itu *khiyār*, demikian lagi bagi suami itu *khiyār* pula jika menyalahi syaratnya nyata kurang dan jika *zann* suaminya itu akan perempuan itu Islam atau merdeka, maka nyatalah kafir *kitabiyyah*²⁴⁵ atau sahaya perempuan yang boleh bagi laki-laki itu, maka tiada *khiyār* baginya.
- e) Sekiranya seseorang itu ditipu oleh seorang hamba yang mengaku bahawa dirinya merdeka, selepas akad nyata bahawa si isteri itu adalah seorang hamba, maka adalah anaknya yang sebelum lagi diketahui akan sahayanya jadilah merdeka, dan wajib keatas orang yang kena tipu itu membayar harga anaknya kepada penghulu ibunya, dan boleh kembali ia kepada yang menipudayakan dia harganya yang ia membayarkannya itu dan tiada *taṣawwur* penghulu itu menipudaya dengan *merdeka* kerana jadi merdeka dengan katanya sebab iqrar ia akan merdeka dan hanya yang *taṣawwur* itu daripada wakilnya dan sahaya itu jua dan manakala hamba perempuan telah merdeka tetapi suaminya masih lagi seorang hamba, maka baginya *khiyār* pada fasakh kahwinnya.

²⁴³ Ibid, h: 21

²⁴⁴ Yakni mati pucuk

²⁴⁵ Yakni ahli kitab samawi

3.4 SUMBER RUJUKAN

3.4.1 Mukaddimah

Syeikh Daud al-Fatani memulakan kitab ini menurut kebiasaan yang dilakukan oleh kebanyakan para pengarang dengan berkhutbah memuji dan memuja Allah S.W.T seterusnya berselawat memuji junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan para sahabat r.a. Khutbah kitab beliau ini dilakukan dalam bahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Pada khutbah kitab ini, beliau menjelaskan beberapa perkara yang berkait dengan penulisan kitab beliau ini. Ia adalah sebagaimana berikut:²⁴⁶

- i. Nama kitab ini.
- ii. Rujukan yang beliau gunakan dalam mengarang kitab ini.
- iii. Tujuan beliau mengarang kitab ini.

Beliau juga didapati amat bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa penulisannya ini bertepatan dengan kehendak al-Qur'ān dan al-Ḥadīth. Beliau juga berharap agar usahanya yang sedikit ini dikira sebagai satu kebajikan untuk bekalan beliau di akhirat nanti. Seterusnya juga berharap termasuk dalam golongan yang disebut oleh Rasulullah SAW sebagai penunjuk yang menunjuk jalan yang kepada kebaikan.²⁴⁷

3.4.2 Rujukan Pengarang

Kajian ini membincangkan tentang sumber dan hujah penetapan konsep perkahwinan yang dikemukakan oleh Syeikh Daud. Para mukaddimah *Īdāh al-albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*, Syeikh Daud al-Fatani telah menyenaraikan lima buah

²⁴⁶ Ibid, h. 2

²⁴⁷ Ibid., h. 58

kitab fekah berbahasa Arab yang dijadikan rujukan asas dalam penulisan kitabnya ini. Untuk memperjelaskan lagi sejarah penulisan kitab ini, penulis membawa cerita Syeikh Daud al-Fatani yang termaktub di dalam mukadimah kitabnya *Idāh al-albāb*. Beliau menceritakan bahawa:

(جَمِيعُهُ مِنَ الْكُتُبِ الْمُعْتَبَرَةِ فِي الْمَذْهَبِ كَالْمِهَاجِ وَفَتْحِ الْوَهَابِ وَالْتُّحْفَةِ وَالنَّهَايَةِ
وَالْعِدَّةِ وَالسَّلَاحِ)

Ku himpulkan daripada beberapa kitab yang muktabar²⁴⁸ pada mazhab kita Shāfi'i seperti Minhāj al-Tālibīn bagi al-'Ārif billah Mahyu al-Dīn al-Nawawī dan Fath al-Wahhāb bagi Syeikh al-Islām Zakariyā' al-Anṣārī dan Tuhfah al-Muhtāj bagi 'allāmah Syihāb al-Dīn Ahmad Ibn Hajar dan Nihāyah bagi al-Muhaqqiq Syihāb al-Dīn Muhammad Ramli dan 'Iddah wa al-Silāh bagi 'allāmah Muhammad ibn Ahmad. Dan aku namai akan dia "Idāh al-Bāb li Murid al-Nikāh bi al-SAWāb" yakni pada menyatakan bagi yang [orang] berakal yang berkehendak berkahwin dengan sebenarnya.

Pada pendapat penulis, itulah sikap beliau dalam penulisan ini yang amat terbuka dan penuh kritis tanpa sedikit pun bersikap angkuh dengan kemampuan keilmuannya.

Untuk mengetahui konsep kitab ini secara mantap, seseorang perlu meneliti isi kandungannya supaya ia benar-benar jelas, apakah yang dibincangkan oleh seorang tokoh yang masyhur ini. Sehubungan itu Syeikh Daud membahagikan kitab beliau kepada dua bahagian utama:

- 1- Bahagian yang pertama mengenai perkahwinan. Beliau membincangkan mengenai perkahwinan dan perkara-perkara yang berlaku sebelum perkahwinan dan perkara yang perlu difahami setelah mendirikan rumah tangga.

²⁴⁸ Yang diambil kira, yang diambil pengajaran. Muhamad Idris al-Marbawi (1990), *Qamus al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darul Fikr, j.2, h.3

2- Bahagian yang kedua mengenai talak dan perceraian. Beliau membincangkan mengenai talak dan hal-hal yang berkaitan dengannya seperti iddah, rujuk, *zihār*, nafkah, *hadānah* dan lain-lain. Bab itu tidak dibincang dalam kajian ini.

Selain itu juga terdapat beberapa kitab yang tidak disebut oleh pengarang pada mukadimahnya tetapi dijadikan rujukan dalam teksnya seperti kitāb *Raudah al-Tālibīn* karangan al-Imām al-Nawawi. Ini berkemungkin besar kerana kitab tersebut merupakan syarḥ kepada kitab *Minhāj al-Tālibīn* yang merupakan matan kitab tersebut dan pengarangnya adalah orang yang sama.

Huraian tentang rujukan-rujukan beliau ini seperti berikut:

i. *Minhāj al-Tālibīn*

Nama penuh kitab ini adalah *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn* yang merupakan ringkasan daripada al-Muħarrar karya al-Rāfi’ī (m. 623)²⁴⁹. *Minhāj al-Tālibīn* merupakan kitab yang sering digunakan untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad dalam mazhab Shāfi’ī. Kitab ini juga telah mendapat perhatian yang tinggi di kalangan ulamak-ulamak mazhab Shāfi’ī untuk diperkembangkan sama ada diberikan huraian (*syarḥ*), komentar (*hāsyiah*)²⁵⁰, dilakukan ringkasan, dan lain-lain lagi sehingga jumlah keseluruhannya yang dapat dikesan hingga kini mencapai 230 buah kesemuanya.²⁵¹

ii. *Fath al-Wahhāb*

Pengarang kitab *Fath al-Wahhab* ialah Syeikh al-Islam al-Imam Abū Yahya, Zakariyya b. Muhammed b. Aḥmad b. Zakariyya al-Anṣāri al-Sunayki al-Miṣri.

²⁴⁹ Beliau ialah Abū al-Qāsim, ‘Abd al-Karīm b. Muhammed b. ‘Abd al-Karīm al-Rāfi’ī al-Qazwīnī. Dilahirkan pada tahun 557H dan meninggal dunia pada tahun 623H di Qazwin. Seorang ahli fiqh yang terkenal dalam mazhab Shāfi’ī. Antara karangan beliau ialah *al-Tadwin Fi Dhikr Akhbar Qazwin*, *al-Muħarrar*, *al-Aziz Shārh al-Wajz* dan lain-lain lagi. Lihat al-Baghdādī (1955), *op.cit.*, j. 1 h. 609-610. Umar Riḍā Kahalah (1993), *op.cit.*, j. 210. Al-Zirikli (2002), *op.cit.*, 4. h. 55.

²⁵⁰ Hasyiah ialah komentar yang ditulis oleh seorang guru terhadap huraian (Shāfi’ī) sesuatu matn kitab. Tujuannya adalah untuk memperjelas sesuatu permasalahan ataupun memperlengkapkan permasalahan-permasalahan yang tidak disentuh oleh ulamak yang menghurai sesuatu kitab. Lihat al-Kaf (2008), *op.cit.*, h. 294.

²⁵¹ ‘Abd al-Wahhab Ibrahim Abu Sulayman (1986), *Kitabah al-Baith al-Ilmi Wa Masadir al-Dirasat al-Islamiyyah*, Jeddah: Dār al-Syuruq, h.363. Muhammad Ibrahim Aḥmad ‘Ali (1978), “al-Madhhab ‘Ind al-Shāfi’īyyah”, *Majallah Jama’ah al-Malik ‘Abd al-‘Aziz*, Bil. 2, Jun 1978, h.12.

Dilahirkan pada tahun 823H disebuah perkampungan bernama Sunaykah (Timur Mesir) dan meninggal dunia pada tahun 926H di Kaherah. Beliau merupakan seorang ahli fiqh Mazhab Syāfi'i yang menonjol dan terkemuka di Mesir pada zamannya. Kebanyakan anak-anak murid beliau muncul menjadi ulamak-ulamak besar selepas kematianya. Antara anak-anak murid beliau yang terkenal ialah al-Ramli (m. 957H)²⁵², Ibn Ḥajar al-Haytami (m.974H), al-Khatib al-Syarbinī(m. 977).

Fath al-Wahhāb merupakan huraian terhadap *Manhaj al-Tullāb*. *Manhaj al-Tullāb* merupakan ringkasan daripada *Minhāj al-Tālibīn* karangan al-Imam al-Nawawi yang dilakukan oleh Syeikh al-Islām Zakariyya al-Anṣārī. Beliau telah mempermudahkan bahasa yang terkandung di dalamnya. Hasilnya, kitab ini telah mendapat sambutan yang amat baik oleh para alim ulamak. Di samping itu juga, beliau turut melakukan huraian (syarh) terhadap *Manhaj al-Tullāb* itu.

Fath al-Wahhāb merupakan karya fiqh yang terakhir sekali dikarang oleh Syeikh al-Islām Zakariyya al-Anṣārī.

iii. Tuhfah al-Muhtāj fī Syarh al-Minhāj

Kitab ini merupakan karya agung Syeikh Ibn Ḥajar al-Haytami dalam bidang fiqh. Beliau banyak memetik pandangan-pandangan yang terdapat dalam komentar (*ḥāsyiah*) karangan gurunya Ibn ‘Abd al-Ḥaqq untuk mengarang kitab ini. *Hasyiah* gurunya itu dilakukan ke atas huraian (Syarh) al-Jalal al-Mahalli terhadap *Minhāj al-Tālibīn*. *Tuhfah al-Muhtāj Fī Syarh al-Minhāj* mendapat kedudukan yang paling tinggi

²⁵² Beliau ialah ShÉms al-Din, Muhammad b. Aḥmad b. Hamzah al-Ramli. Dilahirkan di Kaherah pada tahun 919H dan meninggal di situ juga pada tahun 1004H. Dinisahkan kepada al-Ramlah, sebuah perkampungan di Mesir. Seorang ahli fiqh Mazhab ShÉfi'i yang terhebat di Mesir pada zamannya sehingga digelar dengan al-ShÉfi'i al-Saghir. Antara karangan beliau ialah ‘Umdah al-Rabih ShÉrh Hadiyyah al-Nasih Fi Fiqh al-ShÉfi'iyah, Ghayah al-Bayan Fi ShÉrh Zubad Ibn Ruslan, Nihayah al-Muhtaj Ila ShÉrh al-Minhāj dan lain-lain lagi. Lihat al-Baghdaḍi (1995), *op.cit.*, j. 2. h. 261. ‘Umar Rida Kahalah (1993), *op.cit.*, j. 3. h. 61. Al-Zirkli (2002), *op.cit.*, j. 6. h. 7.

sekali di kalangan ulamak-ulamak Shāfi'iyyah yang mutaakkhir apabila ia dianggap rujukan fiqh yang utama di sisi mereka.

Judul kitab ini disebut oleh Syeikh Daud Al-Fatani sebagaimana berikut:

- a) Kata Syeikh Ibn Hajar dalam *Tuhfah al-Muhtāj Fī Syarḥ al-Minhāj*:²⁵³

Sunat bahawa menghantarkan tangan kepada ubun-ubun isterinya pada mula berjumpanya dan mendoakan ia dengan kata بَارَكَ اللَّهُ بِكُلِّ مَا فِي صَاحِبِهِ (Barakallahu bi-kulli ma fihi sayyidina), maka apabila berkehendak setubuh dengan dia sunat bahawa menutupi keduanya dengan kain yang satu dan mendahulukan bersuci dan memakai bau-bau dan mengkucup dan bergurau-gurau daripada tiap-tiap yang membangkitkan syahwat kedua-duanya.

- b) Kata Syeikh ibn Hajar dalam *Tuhfahnya*²⁵⁴:

" حُكِيَ قَوْلُ لِلشَّافِعِيِّ لِأَنَّهُ يَعْقِدُ بِشَهَادَةِ فَاسِقِينِ لِأَنَّ الْفِسْقَ إِذَا عَمَّ فِي نَاحِيَةٍ وَامْتَنَعَ النِّكَاحُ انْقَطَعَ النِّسْلُ الْمَقْصُودُ بِقَوْلِهِ "

Dihikayatkan ulamak satu qaul bagi Imām Shāfi'i (r.a) bahwasanya jadi 'akad nikah itu dengan saksi dua orang fasiq kerana bahwasanya fasiq itu apabila umum pada suatu negeri dan tertegah nikah nescaya putus anak yang dimaksudkan berkekalannya.

- c) (Kata) Ibn Ḥajar di dalam *Tuhfah*²⁵⁵:

Tiada dihubungkan mastūr adilnya itu apabila taubat orang yang fasiq pada ketika akad (tetapi) tiada sah dua saksi itu dengan dua saksi yang tersembunyi Islamnya dan merdekanya seperti bahawa adalah pada suatu tempat itu bercampur orang Islam dengan orang kafir dan orang merdeka dan hamba dan tiada ghalib bahkan jika di'akadkan dengan dua orang yang tersebut itu, kemudian nyata Islam keduanya dan merdeka keduanya, maka sah seperti dua khunsa , kemudian nyata laki-laki keduanya seperti yang telah tersebut.

- d) (Kata) Syeikh Ibn Ḥajar pada *Tuhfah*²⁵⁶:

Ada pun segala aib yang tiada thabit baginya khiyār, maka tiada memberi cedera pada kufunya seperti buta dan yang terpotong kaki dan yang jahat rupanya yang tuha, maka kufu bagi perempuan yang

²⁵³ Lihat Syeikh Ibn Ḥajar al-Haitamī (t.t), *Tuhfah al-Muhtāj fī Shārḥ al-Minhāj*, j. 7, Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafa Muhammād h. 354

²⁵⁴ Lihat Syeikh Ibn Ḥajar al-Haitamī (t.t), *op.cit.*, h.354

²⁵⁵ Lihat Ibn Ḥajar al-Haitamī (t.t), *op.cit.*, h. 275

²⁵⁶ Syeikh Ibn Ḥajar al-Haitamī (t.t), *op.cit.*, h. 346

sentosa daripada perkara yang tersebut tetapi sayugia dipelihara akan itu terlebih awla.

iv. Nihayah

Pengarang kitab ini ialah Syams al-Dīn, Muḥammad b. Aḥmad b. Ḥamzah al-Ramli. Dilahirkan di Kaherah pada tahun 919H dan meninggal di situ juga pada tahun 1004H. Dinisbahkan kepada al-Ramlah, sebuah perkampungan di Mesir. Seorang ahli fiqh mazhab Shāfi’ī yang terhebat di Mesir pada zamannya sehingga digelar dengan al-Shāfi’ī al-Ṣaghīr. Ulamak-ulamak Shāfi’iyah di Mesir cenderung dan berpegang dengan *qawl* Muḥammad bin Aḥmad al-Ramli dalam kitabnya *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Syarh al-Minhāj*. Kitab ini telah dibaca, diteliti dan diperkemaskan oleh 400 orang ulamak Shāfi’ī, lalu dikatakan mencapai had *tawātur* dalam kebenaran kandungan mazhab al-Shāfi’ī.

v. Al-’Iddah wa al-Salāh

Kitab ini merupakan matan yang membicarakan tentang perkahwinan. Pengarang kitab ini ialah al-Syeikh Muḥammad bin Aḥmad Bāfaḍil dan syarḥ kepada kitab ini ialah *Musykāh al-Miṣbāh* bagi al-Syeikh ‘Abdullah bin ‘Umar Bamkhamah dan *ḥāsyiah* atas syarḥ tersebut dinamakan *al-Nuqūl al-Sīhāh* bagi al-Sayyid Muḥammad bin Salam bin Ḥāfiẓ bin al-Syeikh Abū Bakr bin Salim al-‘Alawī.

3.5 METODOLOGI PENULISAN SYEIKH DAUD AL-FATANI

3.5.1 Teknik penulisan *Idāh al-albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*

Penulisan *Idāh al-albāb* adalah berdasarkan kepada rujukan-rujukan ulamak-ulamak mazhab Shāfi’ī yang hidup dalam era taklid. Secara umumnya, penulisan-penulisan fiqh dalam era tersebut terpengaruh dengan unsur-unsur taksud mazhab yang

boleh menjelaskan keintelektual sesuatu penulisan. Dalam penulisan-penulisan tersebut didapati kurang dikemukakan dalil-dalil daripada al-Qur'an, al-Hadīth, al-Ijmā', al-Qiyās dan dalil-dalil lain bagi membincangkan sesuatu permaslahan. Malahan penulisan-penulisan tersebut dipenuhi dengan pendapat-pendapat ulamak dan mazhab sahaja dan dilakukan perbincangan dengan membandingkan pendapat-pendapat tersebut seterusnya memilih pendapat yang *rājīh*. Ia dilakukan seperti ilmu fiqh perbandingan tetapi dalam skop lingkungan mazhab Shāfi'i sahaja. Penulisan oleh Syeikh Daud al-Fatani ini juga mengambil pendekatan ini. Dalam subtopik ini, penulis akan menghuraikan metodologi penulisan beliau dalam ini dalam aspek-aspek yang berikut:

a) **Metode pendalilan berdasarkan al-Qur'an**

Syeikh Daud al-Fatani telah mengemukakan beberapa ayat al-Qur'an bersama dengan terjemahannya dalam penulisan kitab beliau ini. Tetapi beliau tidak menyatakan surah dan nombor ayat tersebut. Ketika mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an, beliau tidak menyalin secara lengkap ayat tersebut tetapi hanya menfokuskan kepada bahagian yang berkaitan dengan permasalahan yang dibincangkan. Antara tempat yang beliau mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an adalah pada permulaan sesuatu bab. Ayat-ayat yang dikemukakan di sini berbentuk ayat-ayat asas kepada bab tersebut. Sebagai contohnya,²⁵⁷ pada permulaan bab kelebihan berkahwin:

(Bermula) kelebihan berkahwin itu amat banyak, setengah daripadanya Firman Allah Ta'ālā :

﴿فَإِنْ كُحُّوْ أَمَاطَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَئْنَى وَثُلَّتَ وَرُبَّعَ﴾

Maka berkahwin olehmu barang yang baik bagimu perempuan dua dan tiga dan empat dan lagi firmanNya:

²⁵⁷ Lihat Syeikh Daud (t.t), *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu'arif Sdn. Bhd, h. 3

وَاللّٰهُمَّ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

“Dan mereka itu yang berkata [Wa]hai Tuhan Kami beri olehMu bagi kami daripada beberapa isteri kami dan segala zuriat kami yang menetapkan mata”.

Selain itu beliau mengemukakan dalil-dalil al-Qur'an yang lebih khusus apabila membincangkan sesuatu permasalahan. Sebagai contohnya:²⁵⁸

Adapun rukun yang ketiga itu wali, maka tiada sah nikah melainkan(nya), maka tiada sah nikah perempuan itu akan dirinya kerana perempuan yang zina itu ia menikah dirinya. Firman Allah Ta'ālā:

فَلَا تَعْصُلُوهُنَّ أَن يَنْكِحُنَّ أَزْوَاجَهُنَّ.....

“Maka jangan kamu enggankan wahai segala wali akan perempuan yang hendak berkahwin akan suaminya”

b) Metode pendalilan berdasarkan al-Hadīth

Syeikh Daud al-Fatani juga mengemukakan lafaz-lafaz hādīth dalam bahasa Arab bersama dengan terjemahannya dalam penulisan kitab beliau ini. Dalam kebanyakan hādīth yang dikemukakan, beliau menyebut nama-nama ulamak hādīth yang mengeluarkannya. Dan lagi disyaratkan bahawa ada ia wali itu ‘adil yakni ketiadaan fasiq dan jika tiada ‘adil sekalipun, kerana sabda Nabi (SAW) :

٢٥٩) لَا نِكَاحٌ إِلَّا بُولِيْ مَرْشِدٍ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ - رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ (

Tiada sah nikah itu melainkan dengan wali yang mursyid dan dua saksi yang ‘adil.

Riwayat Imām Shāfi‘ī r.a

²⁵⁸ *Ibid.*, h. 12

²⁵⁹ Al-Syāfi‘ī (t.t), *al-Umm*, Beirut, Lebanon: Dār al-Ma’rifah, j. 5, h. 22

Kadang-kadang beliau menyebut sesuatu ḥadīth dengan maknanya sahaja tanpa dinyatakan bersama ulamak yang mengeluarkan ḥadīth tersebut sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah :

Contoh 1: (*Dan adapun*) hadith yang menunjukkan kelebihan berkahwin itu amat banyak, setengah daripadanya, sabda Nabi(S. A.W)

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ أَسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاعَةَ فَلْيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَعْضُنَ لِلْبَصَرِ
وَأَحْصَنَ لِلْفَرَجِ

“ [Wa]hai segala orang muda-muda barang siapa kuasa daripada kamu belanja maka berkahwin ia maka bahwasanya terlebih memejamkan bagi matanya dan terlebih memeliharakan bagi farajnya”

Contoh 2: dan lagi sabda Nabi (SAW)

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يَتَنَفَّعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ

Apabila mati anak Adam putuslah amal nya melainkan tiga: sedekah yang berkekalan atau ilmu yang member manfaat dengan dia atau anak yang soleh mendoa[kan] baginya

Contoh 3: Sabda Nabi lagi (SAW) :

إِذَا تَرَوْجَ أَحَدُكُمْ عَجَّ شَيْطَانُهُ يَا وَيْلَاهُ عَصْمَ ابْنُ آدَمَ مِنِّيْ ثَلَاثٌ دِينِهِ

“Apabila berkahwin seorang kamu berteriak[lah] syaitannya dengan katanya:[Wa] hai kebinasaanku telah terpeliharalah anak Adam daripadaku dua bahagi agamanya”

Contoh 4 sabda Nabi lagi (SAW) :

مَنْ تَرَوْجَ فَقَدْ أَحْرَرَ شَطْرَ دِينِهِ فَلْيَتَقِ اللهُ فِي الشَّطَرِ الْبَاقِي

“Barangsiapa berkahwin maka sungguhnya terpelihara[lah] setengah agamanya maka takut olehmu akan Allah Ta ’ālā pada setengah yang tinggal”

Contoh 5: Sabda Nabi lagi (SAW) :

(تَنَاكُحُوا تَكَاثِرُوا فَإِنِي أُبَاهِي بِكُمُ الْأَمْمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَفِي رِوَايَةِ وَلَوْ
بِالسَّقْطِ)

“Berkahwinlah olehmu nescaya membanyak kamu maka bahwasanya aku memegahkan dengan kamu akan segala umat pada hari kiamat dan pada satu riwayat dan jikalau dengan anak yang gugur sekalipun”,

Contoh 6: sabda Nabi lagi: (SAW)

(رَكْعَانٌ مِنَ الْمُتَرَوِّجِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ وَفِي رِوَايَةِ
مِنَ الْمُتَاهِلِ خَيْرٌ مِنْ اثْنَيْنِ وَسَمَانِينَ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ)

“Dua rakaat daripada [orang] yang berkahwin *afdal*²⁶⁰ daripada tujuh puluh rakaat daripada yang bujang dan pada satu riwayat daripada yang mempunyai ahli terlebih baik daripada dulapan²⁶¹ puluh dua rakaat daripada bujang”,

Selain itu hasil penelitian yang dilakukan pada ḥadīth dengan menggunakan 3 naskhah kitab ini, penulis juga menemui satu kesalahan catatan pada ḥadīth yang terdapat pada kenyataan berikut:

(Dan demikian lagi) sunat me[ng]zahirkan nikah jangan tersembunyinya kerana sabda Nabi (SAW) :

(أَعْلُو النِّكَاحَ)

“Nyatakan olehmu akan berkahwin”,

Pada semua naskhah yang digunakan dalam kajian ini dicatatkan pada ḥadīth ini dengan (أَعْلُو النِّكَاح). Setelah semakan dilakukan, penulis mendapati tidak wujud ḥadīth tersebut dengan perkataan (أَعْلُو النِّكَاح). Lihat ḥadīth yang sebenar pada musnad Ahmad ibn Hanbal:

²⁶⁰ Ism tafdidil dari kata dasarnya فضل, yang lebih baik. Lihat *Qāmus al-Marbawī*, (1990), op.cit, h.14
²⁶¹ (lapan)

Namun begitu, penulis mengandaikan kesalahan catatan-catatan ini adalah berpunca daripada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penyalin-penyalin naskhah kitab ini bukan berpunca daripada hasil penulisan Syeikh Daud ‘Abdullah al-Fatani sendiri.

c) Metode pendalilan berdasarkan al-Ijmā’

Selain mengemukakan dalil-dalil daripada al-Qur’ān dan al-Ḥadīth dalam penulisannya Syeikh Daud al-Fatani juga didapati mengemukakan dalil daripada sumber Ijmā’. Pelbagai bentuk olahan yang digunakan oleh beliau untuk menggambarkan penggunaan dalil al- Ijmā’ dalam kitabnya ini. Sebagai contohnya ialah:

Inilah atas qawl masyhūr daripada mazhab Imām Shāfi’ī r.a muwāfaqat antara Imām Nawawi dan Syeikh al-Islām dan Syeikh ibn Hajar dan Syeikh Ramlī dan Khatib Syarbīnī dan lainnya yang difatwakan tiada sah nikah wali yang fasiq (tetapi) yang dipilih oleh Imām Ghazālī dan ibn al-Ṣālāh dan Imām Nawawi pada Rauḍahnya dan menguatkan dia oleh Imām Subkī dan Imām Azra’ī – sah jadi wali orang fasiq jika ada sekira-kira jika ditanggalkan wilayahnya nescaya berpindah kepada hakim yang fasiq pula, maka tatkala itu sah ia wali yang fasiq itu jadi wali menikahkan anaknya .²⁶³

Beliau menggunakan lafaz “muwāfaqat antara Imām”. Persepakatan ini hanya berlaku dalam lingkungan mazhab Shāfi’ī sahaja.²⁶⁴

²⁶² Lihat Musnad Ahmad bin Hanbal no. ḥadīth (4/5), al-Mustadrak no. ḥadīth (3/183), al-Sunan al-Kubra no. ḥadīth (7/288)

²⁶³ Lihat Syeikh Daud (t.t.), *Idāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*, Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd, h. 14

²⁶⁴ Sebahagian ulamak mengatakan bahawa ijma’ dan ittifaq mempunyai pengertian yang sama iaitu persepakatan ulamak-ulamak mujtahidin dalam kalangan umat Islam pada satu-satu masa terhadap sesuatu hukum ShÉrak selepas kewafatan Rasūlullāh SAW. Sebahagian ulamak lain pula membezakan antara dua lafaz tersebut. Ada yang mengatakan ittifaq ialah persepakatan yang berlaku dalam kalangan imam-imam yang empat sahaja. Lihat ‘Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 179

d) Metode pendalilan berdasarkan al-Qiyās

Syeikh Daud al-Fatani juga mengemukakan dalil daripada sumber al-Qiyās dalam penulisannya ini. Pelbagai bentuk olahan yang digunakan oleh beliau untuk menggambarkan penggunaan dalil al-Qiyās ketika membincangkan sesuatu masalah. Sebagai contohnya ialah:

(Dan haram) menilik laki-laki yang baligh jikalau khaṣii sekalipun kepada perempuan yang merdeka lagi besar kira-kira sampai keinginan laki-laki yang sejahtera perangainya lagi halat sama ada ia takut akan fitnah atau tiada (tetapi) tiada haram melihat pada cermin jika tiada takut fitnah²⁶⁵

e) Metode pendalilan berdasarkan mazhab al-Šaḥābī²⁶⁶

Syeikh Daud al-Fatani juga mengemukakan dalil daripada sumber mazhab al-Šaḥābī dalam penulisannya ini. Pelbagai bentuk olahan yang digunakan oleh beliau untuk menggambarkan penggunaan dalil Mazhab al-Šaḥābī ketika membincangkan sesuatu masalah. Sebagai contohnya ialah:

(i) Kata Syaidina ‘AbdulLah ibn ‘Abbās (r. a) :

(لَا يَقْتُلُ النَّاسُكَ حَتَّىٰ يَتَرَوَّجَ)

Tiada sempurna ibadat yang mengerjakan ibadat itu hingga berkahwin .

²⁶⁵ Lihat Syeikh Daud (t.t), *op.cit.*, h. 5

²⁶⁶ Abu Zahrah menyatakan Mazhab Šaḥābī terdiri dari beberapa bentuk, iaitu:

1. Apa yang disampaikan oleh sahabat itu adalah berita yang didengarnya daripada Nabi (SAW), tetapi tidak menyatakan bahawa berita itu sebagai sunnah Rasūlullāh (SAW).
2. Apa yang di sampaikan sahabat adalah sesuatu yang didengari dari orang pernah mendengarnya daripada Nabi SAW, tetapi orang itu tidak pernah menjelaskan bahawa yang didengarnya berasal daripada Nabi.
3. Sesuatu yang disampaikan itu adalah hasil pemahaman sahabat terhadap ayat Al-Qur'ān yang orang lain tidak memahaminya.
4. Sesuatu yang disampaikan oleh sahabat itu telah disepakati lingkungannya.
5. Apa yang disampaikan oleh sahabat merupakan hasil pemahaman atas dalil-dalil kerana kemampuannya dalam bahasa dan penggunaan dalil. Lihat Abu Zahrah (1998), *Uṣūl Fiqh*, Pustaka Firdaus, h. 76

(ii) Kata ibn Mas'ūd (r. a):

(لَوْلَمْ يَقِنَ مِنْ عُمْرِي إِلَّا عَشَرَ أَيَّامٍ أَحَبَبْتُ أَنْ أَتَزَوَّجَ حَتَّى لَا
أَلْقَى اللَّهُ عَزْبًا)

Jikalau tiada tinggal daripada umurku melainkan sepuluh hari aku kasih bahawaku berkahwin hingga tiada aku berjumpa akan Allah Ta'ālā pada hal aku bujang .

Dalam menentukan pendalilan mazhab al-Šahābī sebagai dalil syarak, maka dapatlah di bagi ke dalam empat jenis pendapat:²⁶⁷

- a) Pendapat sahabat yang bukan berasal dari pada hasil ijtihadnya. Ulamak bersepakat bahawa boleh di jadikan sebagai hujjah dalam mentapkan hukum bagi generasi sesudahnya.
- b) Pendapat sahabat yang di sepakati secara tegas di kalangan mereka yang di kenali dengan ijmā' sahabat, pendapat sahabat seperti ini merupakan hujjah.
- c) Pendapat sahabat secara individu tidak mengikat sahabat yang lain, oleh kerananya sudah biasa di kalangan sahabat berbeza pendapat dalam suatu masalah.
- d) Pendapat sahabat secara individu yang merupakan hasil ijtihadnya dan tidak mendapat kesepakatan di antara para sahabat, dalam hal ini ulamak berselisih pendapat tentang kehujjahannya.

Imam Shāfi'i tidak sepakat jika salah seorang pendapat sahabat menjadi hujjah. Beliau membolehkan melawan pendapat seluruh sahabat untuk berijtihad menetapkan pendapat yang berlainan. Kerana pendapat para sahabat itu tidak lain adalah sekumpulan ijtihad perseorangan yang tidak luput dari kesalahan.

²⁶⁷ Zuhaylī (1990), *Uṣūl al-Fiqh*, Tarāblus: Kulliyah al-Da'wah al-Islāmiyyah

Sebagaimana seorang sahabat boleh berbeza pendapat dengan sahabat lain, maka para mujtahid setelah sahabatpun demikian halnya. Oleh kerananya Imam Shāfi’ī berkata menetapkan hukum atau memberi fatwa tidak boleh melainkan berdasarkan pendapat yang kuat yaitu Al-Qur'an, Al-Hadith, pendapat para ahli yang tidak diperselisihkan lagi atau qiyās kepada salah satu pendapat di atas.

Oleh itu, berdasarkan keterangan di atas, maka Imam Shāfi’ī mengatakan tidak boleh menjadikan hujah pendapat seorang sahabat saja. Hasil penelitian yang dilakukan, didapati bahawa Syeikh Daud telah menyatakan mazhab al-Šahābī dalam kitab *Idāh*. Ini bertentangan dengan pandangan mazhab al-Shāfi’ī yang tidak menerima pendalilan dengan mazhab al-Šahābī.

f) Metode pendalilan berdasarkan Kaedah Fiqh

Syeikh Daud al-Fatani juga ada menggunakan beberapa kaedah fiqh ketika membicarakan sesuatu permasalahan untuk mengukuhkan sesuatu hujah. Walau bagaimanapun penggunaan metode ini tidak begitu meluas dalam penulisan beliau ini dan kadangkalanya kaedah-kaedah tersebut tidak pula dinyatakan dengan jelas tetapi dapat difahami melalui olahan beliau. Sebagai contohnya:

(Dan setengah) daripada sunat berkahwin itu walimah iaitu sunat muakkad iaitu diserukan kepada makanan yang disediakan bagi kedatangan kesukaan dan waktunya kemudian daripada ‘akad nikah dan dikerjakan kemudian daripada dukhul itu terafdal dan sunat menyembelih satu kambing itu terlebih afdal lagi dan dikerjakan malam itu awla.(Dan sunat) pula jangan dipatahkan tulang kambing itu seperti ‘aqiqah sua, dan hasillah asal sunatnya dengan tiap-tiap makanan barang yang kuasanya daripada yang me[ng]enyangkan dan buah-buah kayu²⁶⁸

²⁶⁸ Lihat Syeikh Daud (t.t), *op.cit*, h. 7

3.5.2 Metode dalam mengemukakan pandangan fiqh

Syeikh Daud al-Fatani menyatakan pada mukadimah kitabnya ini, bahawa penulisan beliau ini adalah berbentuk terjemahan daripada kitab-kitab fiqh karangan ulamak-ulamak dalam mazhab Shāfi’ī (al-Shāfi’iyah) yang dalam bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Beliau turut menyatakan bahawa penulisan kitab ini berdasarkan kepada mazhab al-Imām al-Shāfi’ī (r.m), namun begitu dengan melihat kepada rujukan-rujukan yang beliau gunakan didapati bahawa kandungan kitab beliau ini lebih kepada memaparkan pandangan-pandangan ulamak-ulamak fiqh dalam mazhab(al-Shāfi’i yyah) yang terkemudian selepas kematian al-Imām al-Shāfi’ī (r.m) (m. 204H).

Perkara ini perlu dilihat lebih terperinci kerana penulisan-penulisan tentang sejarah perkembangan mazhab Shāfi’ī membezakan antara mazhab al-Imām al-Shāfi’ī (r.m) dan mazhab al-Shāfi’ī. Istilah adalah merujuk kepada himpunan pemikiran-pemikiran fiqh hasil daripada ijtihad-ijtihad yang dilakukan beliau dalam masalah *uṣūl* dan *fūru’* yang dapat dilihat dalam karangan-karangannya seperti *al-Umm* dan *al-Risālah*. Manakala mazhab al-Syāfi’ī pula adalah merujuk kepada usaha-usaha akademik dalam bidang al-Fiqh dan Uṣūl al-Fiqh yang dilakukan oleh sekumpulan ulamak yang mengikut metodologi al-Imām al-Shāfi’ī (r.m) dalam melakukan *istinbāt*.

Dalam mereka tetap berpegang dengan ijtihad-ijtihad beliau, mereka turut mengemukakan pandangan-pandangan lain berdasarkan ijtihad mereka sendiri di samping pandangan-pandangan lain yang dapat dikeluarkan (*takhrijāt*) melalui pemerhatian secara halus melalui kata-kata al-Imām al-Shāfi’ī (r.m) sendiri. Kadang-kadang mereka turut melakukan penjelasan (*istidrākāt*) terhadap pandangan-pandangan al-Imam yang kurang jelas. Kadang-kadang apa yang dikatakan sesuatu masalah itu

merupakan pandangan dalam al-Mazhab itu tidak semestinya ia merupakan pandangan yang dikeluarkan sendiri oleh al-Imām al-Shāfi’ī (r.m).

Perkara yang dinyatakan di atas ini dilihat semakin ketara apabila Syeikh menekankan bahawa beliau hanya memilih dalam penulisannya ini pendapat yang kuat (sahih) yang selari dengan pendapat al-Imām al-Nawawi dalam kitab beliau *Minhāj al-Tālibīn* dengan mengenepikan pendapat yang daif. Tindakan beliau ini adalah tepat memandangkan *Minhāj al-Tālibīn* merupakan kitab yang sering diambilkira untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad dalam mazhab. Namun begitu, hasil penelitian yang dilakukan terhadap kitab *Idāh* didapati Syeikh Daud al-Fatani telah menyatakan hukum bagi beberapa permasalahan fekah dengan mengemukakan pendapat yang tidak muktamad dalam mazhab al-Shāfi’ī. Perkara ini dapat dilihat dalam permasalahan fiqh berikut:

i) **Hukum perkahwinan dengan saksi yang fasiq.**

Syeikh Daud al-Fatani berkata:

(Dan demikian lagi) jika umumlah pada suatu negeri itu fasiqnya, sekira-kira tiada dapat sekali-kali yang adil, (kata qīl) sahlah nikahnya dengan dua saksi fasiq, demikian dihikayatkan oleh Ibn ‘Imād menaql ia daripada setengah fuqaha’

Dalam mazhab al-Shāfi’ī, terdapat dua pendapat berhubung dengan masalah sah berkahwin dengan saksi yang fasiq iaitu:

Pendapat pertama :

Sah perkahwinan yang bersaksikan dua orang yang fasiq. Ini merupakan pendapat Imām al-Nawawi Imām Ibn Hajar dan Ibn Imad.

Pendapat kedua:

Tidak sah perkahwinan yang bersaksikan dua orang yang fasiq. Ini merupakan pendapat Imām al-Shāfi’ī.

ii) **Hukum perkahwinan dengan wali fasiq.**

Syeikh Daud al-Fatani berkata:²⁶⁹

Maka tiada sah nikah jika ada wali itu fasiq. Inilah atas qaul masyhūr daripada mazhab Imām Syāfi’ī r.a muwafaqat antara Imām Nawawi dan Syeikh al-Islām dan Syeikh ibn Ḥajar dan Syeikh Ramlī dan Khatib Syarbīnī dan lainnya yang difatwakan tiada sah nikah wali yang fasiq (tetapi) yang dipilih oleh Imām Ghazālī dan ibn al-Salāh dan Imām Nawawi pada Raudahnya dan menguatkan dia oleh Imām Subkī dan Imām Azra’ī sah jadi wali orang fasiq jika ada sekira-kira jika ditanggalkan wilayahnya nescaya berpindah kepada hakim yang fasiq pula, maka tatkala itu sah ia wali yang fasiq itu jadi wali menikahkan anaknya.(Dan) kata Azra’ī adalah aku memfatwakan masa beberapa tahun dengan sah menikahkan oleh wali yang hampir fasiq.(Dan kata) kebanyakan ulamak yang mutakhirin sah jadi wali orang fasiq itu mutlaqān yakni sama ada ia berpindah kepada hakim yang fasiq atau adil, demikianlah dihikayatkan oleh Syeikh ibn Hajar di dalam Tuhfah kerana adalah fasiq itu telah umum lagi ghaliblah pada kebanyakan manusia hingga berkata Imām Ghazālī r.m: “Barang siapa membatalkan hukum nikah dengan wali yang fasiq nescaya dihukumkan atas segala manusia pada masa ini anak zina yakni tiada anak halal tetapi anak syubhah dan menguatkan kata ini barang yang dihikayatkan oleh setengah ulamak satu qīl bagi Imām Shāfi’ī r.a sah nikah dengan dua saksi yang fasiq seperti yang telah terdahulu .

Dalam teks di atas, ia membicarakan tentang perkahwinan seseorang dengan wali yang fasiq. Berdasarkan kepada teks di atas ini, terdapat dua pendapat berhubung dengan masalah ini iaitu:

Pendapat pertama :

Tidak sah perkahwinan yang berwalikan seorang yang fasiq. Ini merupakan pendapat Imām al-Shāfi’ī, Imām Nawawi, Syeikh al-Islām al-Anṣārī, Syeikh ibn Ḥajar, Syeikh Ramlī dan Khatib Syarbīnī.

²⁶⁹ Syeikh Daud (t.t), *op.cit* , h. 14

Pendapat kedua:

Sah perkahwinan yang berwalikan seorang yang fasiq. Ini merupakan pendapat Imām Ghazāli dan ibn al-Šālāh, Imām Subkī dan Imām Azra’ī . Begitu juga dengan Imām Nawawi dalam kitab Rauḍahnya. Namun begitu, pendapat yang muktamad dalam mazhab al-Shāfi’ī , hukum ini hanya terbatas pada keadaan atau *urf* semasa sesebuah negeri itu. Sebenarnya sebahagian besar ulamak-ulamak Mutaakhirin dalam mazhab Shāfi’ī seperti Imam Al-Ghazāli, pendapat pilihan Imam Nawawi dan sebagainya, telah mengeluarkan fatwa bahawa sah wali fasiq menjadi wali, selepas beristighfar. Hasil daripada penelitian ini, didapati Syeikh Daud tidak menyatakan pegangan beliau dalam permaslahan ini, sebalik permasalahan tersebut ditinggalkan kepada pembaca untuk memilih *qawl* mana yang lebih baik dan rajih.

3.5.3 Metode penukilan fakta fiqh

Walaupun Syeikh Daud al-Fatani mengatakan bahawa tulisan beliau ini berdasarkan terjemahan daripada kitab rujukan beliau, kadang-kadang beliau turut memetik kenyataan asal kitab daripada kitab rujukan beliau itu seterusnya beliau menterjemahkannya. Sebagai contohnya seperti berikut: Kata Syeikh ibn Ḥajar dalam *Tuhfahnya*:

حُكِيَّ قَوْلُ لِلشَّافِعِيِّ لِأَنَّهُ يَنْعَقِدُ بِشَهَادَةِ فَاسِقَيْنِ لِأَنَّ الْفِسْقَ إِذَا عَمِّ فِي
نَاحِيَةٍ وَامْتَنَعَ النِّكَاحُ انْقَطَعَ النِّسْلُ الْمَقْصُودُ بَقَاءُهُ

Dihikayatkan ulamak satu qawl bagi Imām Shāfi’ī (r.m) bahawasanya jadi ‘akad nikah itu dengan saksi dua orang fasiq kerana bahawasanya fasiq itu apabila umum pada suatu negeri dan tertegah nikah nescaya putus anak yang dimaksudkan berkekalan.

3.5.4 Metode penggunaan istilah khusus tentang pandangan-pandangan dalam mazhab

Ketika Syeikh Daud al-Fatani menukilkan pandangan-pandangan fiqh, beliau mengekalkan beberapa istilah khusus yang digunakan secara meluas dalam penulisan fiqh dalam mazhab al-Shāfi’ī tanpa diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti “*qawl yang aşah*”, “*qawl yang sahih*”, “*qawl yang masyhūr*”, “*qawl yang mukhtār*” dan “kata *qīl*”. Istilah-istilah ini mempunyai pengertian tersendiri menurut ulamak-ulamak Shāfi’iyyah. Huraianya adalah seperti berikut:

- i) Qawl adalah merujuk kepada pendapat al-Imām al-Shāfi’ī sama ada pendapat lama (*qawl qadīm*) atau pendapat baru (*qawl jadīd*).
- ii) *Aşahh* adalah merujuk kepada pendapat yang *rājīh* daripada dua *wajh* atau beberapa *wajh* bagi ašhāb al-Imām al-Shāfi’ī. Istilah ini digunakan sekiranya khilaf yang berlaku antara dua *wajh* atau beberapa *wajh* tersebut adalah kuat. Maksud kuat di sini adalah dari sudut kekuatan dalil bagi setiap *wajh* tersebut. Kemudian salah satu daripada *wajh* tersebut telah menjadi pendapat yang *rājīh*, maka pendapat itu disebut dengan *aşahh*.
- iii) *Sahīh* adalah merujuk kepada pendapat yang *rājīh* daripada dua *wajh* atau beberapa *wajh* bagi ašhāb al-Imām al-Syāfi’ī. Istilah ini digunakan sekiranya khilaf yang berlaku antara dua *wajh* atau beberapa *wajh* tersebut adalah lemah. Maksud lemah di sini adalah dari sudut kelemahan dalil bagi setiap *wajh* tersebut. Kemudiannya salah satu daripada wajh tersebut telah menjadi pendapat yang *rājīh*, maka pendapat itu disebut dengan sahih.
- iv) *Masyhūr* adalah merujuk kepada pendapat yang *rājīh* daripada dua *qawl* atau beberapa *qawl* bagi al-Imām al-Shāfi’ī. Istilah ini digunakan sekiranya khilaf yang berlaku antara dua *qawl* atau beberapa *qawl* tersebut lemah. Maksud lemah di sini adalah dari sudut kelemahan dalil bagi setiap *qawl* tersebut.

Kemudiannya salah satu daripada tersebut telah menjadi pendapat yang *rājīh*, maka pendapat itu disebut dengan masyhūr.²⁷⁰

- v) *Mukhtār*. Istilah ini adalah seerti dengan makna *rājīh*²⁷¹.
- vi) *Qīl* adalah salah satu istilah yang digunakan oleh ulamak Shāfi‘iyyah untuk mengambarkan sesuatu ijtihad yang lemah dalam mazhab ataupun lemahnya dalil bagi sesuatu ijtihad itu.²⁷²

3.6 KESIMPULAN

Berdasarkan analisa yang dilakukan terhadap metodologi penulisan ini, penulis mendapati rujukan-rujukan yang digunakan oleh Syeikh Daud al-Fatani untuk mengarang kitab *Idāh al-Albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb* adalah kitab-kitab fiqh dalam bahasa arab yang berautoriti dalam mazhab Shāfi‘i. Kitab-kitab tersebut sering digunakan oleh pengikut-pengikut mazhab Shāfi‘i untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad.

Penulisan *Idāh al-Albāb* tidak dapat lari daripada dipengaruhi oleh gaya penulisan ulamak-ulamak mazhab Shāfi‘i yang hidup dalam era taklid yang mengandungi unsur-unsur taksub mazhab, kurang dikemukakan dalil-dalil daripada al-Qur’ān, al-Hadīth, al-Ijmā, al-Qiyās dan dipenuhi dengan pendapat-pendapat ulamak dalam mazhab sahaja. Namun begitu, asas utama yang menjadi sandaran kepada Syeikh Daud al-Fatani dalam menetapkan sebarang kefahaman adalah berdasarkan al-Qur’ān dan al-Hadīth.

²⁷⁰ Lihat al-Khatib al-Shārbīnī (1994), *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifah Ma’ān Alfāz al-Minhāj*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.105

²⁷¹ Lihat Ibn al-Ḥajar Ḥaitami(t.t) *Tuhfah al-Muhtāj Fī Shārh al-Minhāj*, j. 7, Mesir: Dār al-‘Iḥyā’ wa al-Thurāth, h. 72

²⁷² Lihat al-Saqqāf (1940), al-Sayyid ‘Alawī b. Ahmad al- (1940) *al-Fawāid al-Makiyyah Fī Mā Yaḥtajūhu Talabah al-Syāfi‘iyah Min al-Masā’il Wa al-Dawābiṭ Wa al-Qawāid al-Kulliyah*. Dalam al-Sayyid ‘Alawī b. Ahmad al-Saqqāf, *Majmū‘ah Sab’ah Kutub Mufidah*, Mesir: Shārikah Maktabah Wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, h.37

Syeikh Daud al-Fatani merupakan seorang ahli fiqh yang mampu berijtihad berdasarkan kewujudan beberapa pandangan peribadi beliau dalam permasalahan-permasalahan fiqh yang tertentu. Ini membuktikan bahawa beliau tidaklah semata-mata melakukan terjemahan daripada kitab-kitab fiqh ulamak al-Shāfi'iyyah yang dalam bahasa Arab kepada bahasa Melayu sebagaimana yang beliau nyatakan pada mukadimah kitab beliau itu.